



قلنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 32 BILANGAN 3

RABU 21 JANUARI, 1987.

رابعو 20 جادي الاول 1407

PERCUMA

Ketua Menteri Zanzibar lawat ke sini

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berkenan menerima mengadap Ketua Menteri Negeri Zanzibar, Yang Berhormat Tuan Saif Sharif Hammad.

Majlis itu berlangsung di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri pada 17 Januari yang lalu.

Yang Berhormat Tuan Saif Sharif Hammad juga mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria.

Lawatan Yang Berhormat ke negara ini ialah bertujuan untuk mengadakan hubungan kerjasama dengan Negara Brunei Darussalam.

Sementara itu pada 18 Januari, Yang Berhormat beserta rombongan telah diraikan di satu majlis makan malam yang diberikan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bertempat di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Hadir sama di majlis itu ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Abidin bin Orang Kaya Periwira Abd. Rashid, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

MANISNYA IMAN

“RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: “Tiada seorangpun yang melebihi kesabaran Allah dalam mendengar perkataan yang menyakitkan. Sesungguhnya Allah dibuatkan sekutu-Nya dan dikatakan Dia mempunyai anak. Tetapi Allah tetap menyelamatkan dan memberi rezeki kepada mereka.” — Hadis Nabi riwayat Muslim dari Abu Musa radhiallahuan.

Untuk menjamin pertumbuhan ekonomi negara:

Keadaan sekitar yang stabil perlu

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam menegaskan keadaan sekitar yang selamat dan stabil adalah perlu bagi sesebuah negara untuk menjamin pertumbuhan ekonomi.

“Di beberapa majlis yang lalu, saya pernah menyatakan dan ingin mengulangi lagi bahawa pertumbuhan ekonomi tidak akan berkembang jika keadaan sekitar di dalam dan di luar negara tidak menentu yang mana memerlukan suasana yang selamat dan stabil,” sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Duli Yang Teramat Mulia bersabda demikian ketika mengalu-alukan Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Thai di Jamuan Makan Malam di Dewan Persantapan Lapau pada malam Selasa lepas, juga menekankan, pertimbangan-pertimbangan itu penting bila Negara Brunei Darussalam memasuki ASEAN.

“Kami merasa ASEAN mempunyai peranan penting di rantau ini dan kami melihat penglibatan ASEAN ke arah menjamin keamanan dan kestabilan di rantau ini sebagai pelindung bagi survival kami sebagai sebuah negara berdaulat dan merdeka,” sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Mengenai hubungan antara negara ini dengan Negara Thai, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, hubungan antara keduanya adalah semakin meningkat dan kukuh, sejak hubungan diplomatik dijalin.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, hubungan sedemikian wujud kesan dari kesediaan kerajaan dan rakyat kedua buah negara untuk sama-sama bekerjasama dan saling memahami dan menghormati kedaulatan masing-masing.

Di bidang ekonomi, sabda Duli Yang Teramat Mulia, perdagangan antara kedua buah negara semakin meningkat dan penyertaan Negara Thai dalam usaha-usaha pembangunan telah membantu mempercepatkan

Seruan kepada penduduk bukan Melayu:

Sokong matlamat untuk mendaulatkan Bahasa Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Penduduk-penduduk bukan Melayu diseru supaya mendukung matlamat dasar untuk mendaulatkan Bahasa Melayu sejajar dengan status mereka sebagai rakyat yang bertanggungjawab pada membuktikan kejujuran dan kesetiaan kepada Negara Brunei Darussalam.

Ini telah ditegaskan oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat

Oleh: Aisah Piee

Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein, ketika berucap sejour sebelum merasmikan Majlis Pelancaran dan Pameran Jubli Perak, Dewan Bahasa dan Pustaka pada pagi Khamis, 15 Januari lepas di sini.

Kita mempunyai tanggungjawab bersama dalam men-

jadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi dalam apa jua konteks dan berkembang mengikut arus perkembangan negara.

Menurutnya, penglibatan negara kita dalam Majlis Bahasa Brunei Darussalam — Indonesia — Malaysia (MAB-BIM) dalam tahun 1985 memberi pengertian besar dalam sejarah perkembangan

Lihat muka 20

Lihat muka 20

PETIKAN TITAH

“ Dengki yang disuruh iaitu membiarkan orang yang berusaha dengan titik peluhnya yang diredai oleh Allah pada mencari rahmat Allah yang diredai oleh Allah jua, hendaklah orang yang dengki itu berusaha bersungguh-sungguh membanting titik peluhnya yang diredai oleh Allah supaya mendapat kemewahan yang diredai oleh Allah jua, supaya banyak orang yang mewah dan saudagar-saudagar yang mendapat hak rahmat Tuhan yang diredai oleh Allah.”

“ Dititahkan semasa Istiadat Mengadap di Lapau sempena Hari Keputeraan Baginda ke-37 tahun pada 15 Ogos, 1983.

BERFIKIRLAH DALAM METRIK



Pelita Brunei
PENERBITAN HARIAN TERKINI

21 JANUARI, 1987

*Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang*

25 TAHUN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

BAHASA Melayu didaulatkan menjadi bahasa rasmi bila buat pertama kali dalam sejarah negara kita menerima Perlembagaan Bertulis 1959. Bahagian Bahasa dan Pustaka yang sekarang ini dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan dua tahun setelah pengisytiharan Perlembagaan tersebut. Antara tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka ialah bagi memelihara, mengekalkan serta memajukan Bahasa Melayu, bahasa ibunda kita, sebagai bahasa tuturan setiap rakyat dan pen-

uduk negara kita.

Di samping itu Dewan Bahasa dan Pustaka juga mempunyai perutusan dan caranya yang tersendiri, yang setentunya menampakkan ciri-ciri kewibawaan, dalam mengembang serta menerapkan pemikiran rakyat dan penduduk negara kita ke suatu tahap yang bersesuaian dengan suatu bentuk kebudayaan serta kesusasteraan tanahair selaras dengan aspirasi bangsa kita yang sentiasa taat kepada raja, taat mengerjakan suruhan-suruhan ugama, penuh beradab dan beradik.

Tugas yang diamanahkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka sepanjang 25 tahun yang lalu menampakkan kejayaan yang cemerlang. Dewan Bahasa dan Pustaka telah berhasil menyatukan perpaduan bangsa baik melalui penggunaan Bahasa Melayu dalam segala segi oleh setiap rakyat dan penduduk negara kita, mahupun dalam mengembangkan kebudayaan bangsa Melayu yang kita warisi sejak turun-temurun. Bahkan, kita berbangga kerana dapat bertahan lalu menetapkan ciri-ciri 'kemelayuan' dalam konsep negara Melayu Islam Beraja. Kita bukan sahaja mendaulatkan Bahasa Melayu, tetapi lebih daripada itu apa sahaja yang berhubung kait dengan tradisi Melayu meliputi aspek kebahasaan, adat resam dan sebagainya telah dapat kita kekalkan. Maka, jadilah kita satu-satunya negara di dunia ini yang tetap kental dengan ciri kemelayuan.

Kita tidak ketandusan dengan sasterawan yang mampu mencipta cereka kreatif ataupun puisi yang bermutu yang setanding dengan sasterawan negara ASEAN yang lain. Ketampilan sasterawan-sasterawan tanahair ini adalah hasil dorongan Dewan Bahasa dan Pustaka yang terus-menerus memupuk bakat semula jadi anak bangsa dalam menambahkan lagi khazanah kesusasteraan bangsa kita. Usaha ini dilaksanakan dengan menganjurkan bengkel-bengkel yang berkaitan dengannya, ataupun dengan menyebarkan bahan-bahan kreatif itu dalam majalah dan buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, di samping menganjurkan peraduan-peraduan yang bertujuan mencungkil bakat yang terpendam.

Kita telah menjadi tuan rumah bagi suatu perhimpunan besar para sasterawan, seniman dan pemikir kebudayaan juga para sarjana yang terkenal di rantau ini pada tahun 1985 iaitu Pertemuan Sasterawan Nusantara IV. Suatu penghormatan kepada negara kita terutama kepada Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah dapat membuktikan kemampuan dalam mendaulatkan lagi Bahasa Melayu itu sebagai lingua franca, di samping kegigihan kita untuk terlibat sama dalam aspek kebahasaan serta kesusasteraan serantau. Dewan Bahasa dan Pustaka pernah menjadi penggerak kebudayaan bangsa dengan penubuhan Badan Kebudayaan Brunei dan yang penting Seminar Kebudayaan Brunei yang berlangsung pada bulan Mei 1985.

Bagi mensejajarkan lagi kehendak-kehendak negara lain yang menuturkan sama Bahasa Melayu oleh majoriti penduduknya, maka kita telah pun menjadi ahli penuh Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MAB-BIM), suatu tanggungjawab yang memerlukan sumbangan tenaga dan fikiran dalam kebahasaan.

Bagi meningkatkan minat membaca dan mengembangkan ilmu pengetahuan di kalangan rakyat dan penduduk negara kita, Dewan Bahasa dan Pustaka telah pun menubuhkan Perpustakaan Bergerak dengan mendatangi 43 buah tempat perhentian di kampung-kampung selain daripada mempunyai sebuah perpustakaan yang lengkap di ibu negara serta empat buah perpustakaan cawangan di setiap daerah.

Kita berkeyakinan pada masa akan datang Dewan Bahasa dan Pustaka akan lebih banyak mencapai kejayaan terutama dalam menggalakkan penggunaan Bahasa Melayu kepada orang-orang yang bukan Melayu di negara kita ini di samping meningkatkan dan memperbaiki lagi penggunaan bahasa Melayu di kalangan orang-orang Melayu sendiri.

Adalah juga menjadi harapan kita semua suatu hari nanti bahasa Melayu akan dapat dijadikan sebagai 'bahasa ilmu' khususnya di negara kita sendiri.

Harapan kepada anggota ABDB:

Taati setiap hukuman yang diarahkan



PEGAWAI Pemerintah Batalion Pertama ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak menyampaikan hadiah kemenangan wakil C Kompeni yang menjuarai Pertandingan Kawat Batalion Pertama. — Gambar oleh Pg. Bahar PHO.

BERAKAS. — Pegawai Pemerintah Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak menyeru semua anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mentaati setiap hukuman yang diarahkan.

Berucap di majlis penyampaian hadiah-hadiah perlawanan kawat antara kompeni batalion pertama di padang kawat pasukan itu Jumaat lepas menegaskan, "Semua anggota perlu menanamkan perasaan atau tabiat patuh pada hukuman dan melakukan pergerakan-pergerakan tertentu dengan hukuman-hukuman yang pendek."

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, melalui hukuman-hukuman dan perintah-perintah yang pendek, segala pekerjaan akan dapat dilaksanakan dengan sempurna, dengan tidak mengira tempat.

"Ini bukanlah semata-mata di padang kawat saja tetapi

Oleh Ahat Haji Ismail

juga semasa membuat latihan-latihan yang tertentu," ujar Yang Dimuliakan Pehin.

Menyentuh mengenai perlawanan kawat itu pula, Yang Dimuliakan Pehin berkata setiap perlawanan mempunyai peraturan dan undang-undang, seandainya peraturan dan undang-undang itu tidak dipatuhi, dengan sendirinya akan terkeluar daripada perlawanan dan dikira kalah.

Kawat kumpulan terbaik disandang oleh Pasukan C Kompeni. Kompeni Sargen Mejar KSM terbaik dimenangi oleh Pegawai Warrant Dua Haji Salleh juga dari Pasukan C Kompeni.

Kompeni Staff Sargen CQMS terbaik dimenangi oleh Staff Sargen Pengiran Metali daripada Kompeni Memerintah, manakala Sargen terbaik disandang oleh Sargen Yahya daripada Pasukan A Kompeni.



YANG Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu ketika menerima kunjungan muhibah Pemerintah Tentera Amerika Syarikat Leftenan Jeneral Charles W. Bagnal. — Gambar oleh Harun Rashid.

Lawatan rasmi Pemerintah Tentera Amerika Syarikat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemerintah Tentera Amerika Syarikat Bahagian Barat yang berpengalaman di Hawaii, Leftenan Jeneral Charles W. Bagnal, telah mengadakan kunjungan muhibah kepada Timbalan Menteri Pertahanan, Yang

Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral Pengiran Haji Ibnu, di pejabat Yang Amat Mulia di Istana Nurul Iman Khamis lepas.

Mengiringi Leftenan Jeneral Charles W. Bagnal ialah Duta Besar Amerika Syarikat ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Barrington King.

Hadir sama ialah Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya dan Ketua Turus Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammed.

Leftenan Jeneral Charles W. Bagnal tiba di negara ini pada 14 Januari lalu dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke negara ini. Semasa berada di sini beliau telah mengadakan lawatan ke Markas Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan mendengar taklimat berhubung dengan perkembangan pasukan itu.

35 pegawai Jabatan Audit terima sijil

Oleh Haniza Abdullah

JALAN KUMBANG PASANG. — Seramai 35 orang pegawai Jabatan Audit yang baru menamatkan kursus mengenai Audit, telah menerima Sijil yang disampaikan oleh Timbalan Pengarah Perjawatan, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yusoff, di majlis penutup kursus di Unit Latihan Perjawatan di sini 17 Januari lepas.

Kursus selama 23 hari itu, yang bermula pada 16 Disember lepas adalah anjuran bersama Jabatan Audit dan Unit Latihan Perjawatan.

Ketua Unit Latihan, Awang Jalil bin Abd. Rahman menjelaskan kursus dalam jabatan seperti ini semakin meningkat dan digemari oleh

jabatan-jabatan Kerajaan di negara kita.

Menurutnya, satu daripada matlamatnya ialah peserta merasa lebih selesa dan senang bersama-sama berkursus dengan rakan-rakan sejawat dalam jabatan yang sama di samping itu membolehkan jabatan-jabatan berkenaan melatih lebih banyak lagi pegawai-pegawai dalam jangka waktu yang pendek.

Awang Jalil, berharap semoga kursus itu akan memberikan makna yang besar dan akan lebih berkesan lagi kepada para peserta dalam meningkatkan lagi perkerjaan harian mereka.



TIMBALAN Pengarah Perjawatan, Awang Mohd. Hassan bin Haji Mohd. Yusoff menyampaikan sijil kepada Pengiran Bakar bin Pengiran Damit. — Gambar oleh Harun Rashid.

Lawatan Menteri Luar Thailand ke negara ini

TUAN Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Thai dan rombongan telah berlepas pulang pada hari Rabu lepas, setelah mengadakan lawatan rasmi empat hari ke negara kita.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah telah berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas, bagi

mengucapkan selamat belayar kepada Tuan Yang Terutama dan rombongan.

Semasa berada di negara kita, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Thai juga telah mendengar taklimat mengenai Rancangan Kemajuan Negara Lima Tahun, dan membuat kunjungan muhibah kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri, di Ambar Kasturi.

Di sebelah malam hari kedua lawatan tersebut, Tuan Yang Terutama Tuan Siddhi Savetsila telah diraikan di satu Majlis Makan Malam yang diadakan di Dewan Persantapan Lapau.

Semasa lawatan rasmi Tuan Yang Terutama itu ke negara kita, satu Perjanjian Perkhidmatan Udara telah ditandatangani antara Negara Brunei Darussalam dan Negeri Thai. Majlis itu diadakan di Dewan Majlis di ibu negara. Pada sebelah malamnya, satu majlis makan malam telah diberikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Menteri Undang-Undang, bertempat di kediaman Yang Amat Mulia di Beribi.

Sementara itu, isteri Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri Thai, Puan Khunying Thida Savetsila mempunyai aturcara lawatan yang berasingan. Pada hari kedua lawatan itu, Puan Khunying Thida Savetsila telah mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency dan di Muzium, Kota Batu. Pada sebelah petangnya, Puan Khunying Thida Savetsila telah membuat kunjungan kepada Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah di Ambar Kasturi.

Oleh Aisah Piee

Gambar-gambar oleh Haji Sharbini Taha dan Harun Rashid.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalam-salaman dengan Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai.



PUAN Khunying Thida Savetsila ketika mengadakan lawatan ke Muzium Brunei dengan diiringi oleh Awang Haji Metussin bin Omar, Pengarah Muzium-Muzium Brunei Darussalam.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika bersabda di majlis makan malam bagi meraikan Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai dan rombongan di Dewan Persantapan Lapau juga kelihatan dalam gambar ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah (di kiri sekali) (gambar atas).

TUAN Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila dan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz, Menteri Perhubungan bertukar-tukar surat perjanjian selesai Majlis Menandatangani Perjanjian Udara antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Thailand dilangsungkan (kiri).



ISTERI Tuan Yang Terutama, Puan Khunying Thida Savetsila mempunyai aturcara yang berasingan dengan mengadakan beberapa lawatan ke tempat-tempat yang menarik di negara ini. Gambar atas dan kiri kelihatan Puan Khunying Thida Savetsila ketika mengadakan lawatan ke Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-364

Perkara yang makruh dalam mandi hadas :

1. Makruh membazirkan air atau melampau pada menceduk air kerana mandi hadas, iaitu jika air yang digunakan itu bukan air waqaf atau milik orang. Jika kiranya air yang digunakan bagi mandi hadas itu, air waqaf dan air milik orang, maka membazirkan keduanya itu adalah haram, begitulah juga hukum membazirkan air pada wuduk adakalanya haram, iaitu kiranya pembaziran itu berlaku pada air waqaf dan air orang tetapi jika bukan pada air waqaf dan milik orang hukumnya adalah makruh.
2. Makruh berwuduk, mandi wajib dan mandi sunat dalam air yang tidak banyak dan tidak mengalir, kerana wuduk dan mandi dalam air yang tiada banyak itu mengotorkan air tersebut, dan ada khilaf ulama pada mengatakan air itu suci tetapi tidak menyucikan hadas atau najis.
3. Makruh menjirus dan membasuh sesuatu anggota mandi lebih dari tiga kali jika telah yakin menjirus dan membasuh kerana mandi hadas atau wuduk itu dilakukan 3 kali. Ini jika sekiranya air yang digunakan itu bukan air yang diwaqfkan dan bukan air milik orang. Dan juga makruh jika menjirus anggota mandi itu kurang dari 3 kali sebagaimana juga makruh membasuh anggota wuduk kurang dari tiga kali.
4. Makruh meninggalkan berkumur-kumur dan meninggalkan menyedut air ke hidung atau meninggalkan salah satunya, kerana ada khilaf ulama pada mengatakan wajib

Mandi kerana hadas

berkumur-kumur, dan menyedut air ke hidung itu, sebagaimana hukum berkumur-kumur dan menyedut air ke hidung dalam perkara wuduk.

Hendaklah diketahui bahawa berkumur-kumur dan menyedut air ke hidung yang disunatkan dalam mandi hadas dan mandi sunat itu lain dari berkumur-kumur dan menyedut air ke hidung yang disunatkan dalam wuduk er-tinya dalam mandi hadas atau mandi sunat itu ada 6 kali berkumur-kumur dan 6 kali menyedut air ke hidung.

Perkara makruh ke atas orang berhadas besar :

1. Makruh bagi orang junub itu makan dan minum dan serta tidur dan bersetubuh, sebelum membasuh faraj dan berwuduk terlebih dahulu, kerana ada perintah dalam hadis yang melarang mengerjakan perkara-perkara itu dalam perkara bersetubuh, dan kerana mengikut perbuatan Nabi kita Sallallahu Alaihi Wasallam dalam perkara makan dan tidur dan bersetubuh itu. Adapun hukum makruh pada perkara minum itu dikiaskan oleh ulama dengan hukum perkara makan itu, dan jika dia tidak mendapat air, maka hendaklah ia bertayamum ganti wuduk itu.

Dapat asal sunat itu dengan membasuh faraj sama ada laki-laki dan perempuan dengan tiada berwuduk, yakni

Bahagian terakhir

hilang makruh itu apabila dibasuh faraj itu, begitu juga makruh membaca sesuatu zikrullah sebelum membasuh faraj dan berwuduk.

2. Makruh bagi perempuan yang sudah berhenti haid dan nifas mengerjakan perkara-perkara yang disebutkan dalam perkara-perkara makruh yang dikerjakan oleh orang junub di atas ini, bahkan kedua-duanya lebih aila dan lebih utama menajui perkara-perkara yang makruh itu.

3. Inilah setengah-tengah hukum mandi hadas dan mandi sunat, yang selalu berlaku dan sayugia diketahui oleh orang-orang yang berminat supaya sah amal ibadatnya dan berharap-harap diterima oleh Allah Ta'ala akan amalnya itu.

WALLAHUAKLAM.



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

PULAIE. — Perancangan semula skim-skim perpindahan terdahulu seperti Kampong Pulaie dan Kampung-kampung berdekatan akan dilaksanakan.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit berkata, kerajaan menyedari perkembangan ekonomi yang pesat menimbulkan keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak yang mendesak bagi pelbagai perkhidmatan untuk diselenggarakan dengan kehidupan penduduk setempat.

Menurutnya, kehendak-kehendak berkenaan menimbulkan beberapa masalah sampingan seperti keadaan kampung yang pesat berkembang dengan industri ringan dan kedai-kedai runcit yang bertentangan dengan syarat-syarat khas tanah bagi kampung berkenaan dan alam sekitarnya.

Selain itu, terdapat masalah kekurangan infrastruktur yang lengkap dan berkesan; kekurangan kemudahan-kemudahan sosial seperti padang permainan dan taman rekreasi serta geran-geran tanah yang belum dikeluarkan.

"Menyedari masalah-masalah tersebut untuk menyelaraskan keadaan-keadaan ini dengan sistem perancangan dan pelaksanaan skim perumahan kerajaan pada masa ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat perancangan semula kampung-kampung ini selaras dengan hasrat untuk meninggikan lagi tahap penghidupan rakyat di kampung-kampung ini khususnya dan di Negara Brunei Darussalam amnya," katanya.

Menurut Menteri Pembangunan ketika merasmikan Masjid Kampong Pulaie pada hari Jumaat lepas, perancangan semula itu akan melibatkan beberapa langkah besar seperti mengisytiharkan kawasan berkenaan sebagai kawasan kawalan yang proses

Perancangan semula skim perpindahan terdahulu dilaksanakan



MASJID Kampong Pulaie yang boleh menampung 500 orang jemaah. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

perisytiharaan telah dilaksanakan.

Selain itu penyediaan-penyediaan lot-lot perumahan yang lengkap dengan infrastruktur yang teratur seperti penyediaan kerja-kerja tapak tanah, jalan raya, elektrik, aliran air dan saluran najis.

Di samping itu ia juga melibatkan penyediaan tempat perniagaan dan kawasan industri yang difikirkan sesuai dan teratur; menyediakan tempat-tempat permainan dan juga menyediakan kemudahan yang berkaitan dengan perancangan semula kampung-kampung berkenaan yang difikirkan munasabah untuk menjadikannya tempat yang selesa dan teratur.

Menteri Pembangunan berkata, langkah untuk perlaksanaan telah diatur dan

Oleh: Abdul Karim Haji Abu Bakar

kerja-kerja fizikal akan dimulakan tidak lama lagi.

Sehubungan dengan itu nanti, Menteri Pembangunan berharap penduduk-penduduk yang terlibat akan dapat bersabar dan memberikan kerjasama

sepenuhnya terutama projek berkenaan tentunya akan sedikit sebanyak akan mengganggu ketenteraman di sekitar kampung.

"Skim perancangan semula ini akan dijangka mengambil masa lebih kurang dua tahun

dan kita berazam akan menyelesaikan kerja-kerja yang akan dilaksanakan insya-Allah dalam waktu yang telah ditetapkan," jelasnya.

Menteri Pembangunan selanjutnya mengharapkan orang ramai di negara ini akan dapat menghargai kemudahan-kemudahan berkenaan dan memeliharanya dengan baik dan mencegahnya dari kerosakan.

Pendaftaran kelas perdagangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran kelas perdagangan dan urusan rumahtangga bagi tahun 1987 di Sekolah Rendah Lela Menchanai kini dibukakan.

Antara mata-mata pelajaran yang ditawarkan ialah

kelas menaip permulaan, menengah dan tertinggi; kelas urusan rumahtangga dan kelas trengkas permulaan.

Mereka yang berminat untuk mengikuti kelas-kelas tersebut boleh mendapatkan borang pendaftaran yang boleh diperolehi daripada

guru-guru kelas dewasa atau berhubung dengan penyelia pelajaran dewasa lanjutan di Sekolah Rendah Lela Menchanai.

Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah 31 Januari 1987.



YANG Berhormat Pengiran Dato Seri Laila Jasa Dr. Ismail, Menteri Pembangunan berucap merasmikan Masjid Kampong Pulaie.

Peraduan membaca Al-Quran bagi Daerah Temburong

TEMBURONG. — Peraduan membaca ayat-ayat suci Al-Quran peringkat daerah bagi orang-orang dewasa di Daerah Temburong akan diadakan pada 15 haribulan depan.

Peraduan itu akan dilangsungkan di Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohammad Bolkiah.

Borang-pengantar menyertai peraduan itu kini boleh diperolehi dari imam-imam masjid di daerah tersebut atau dari setiausaha peraduan, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, di Kementerian Hal Ehwal Ugama. Tarikh tutup penyer-taan ialah akhir bulan ini.

Dibatalkan

DENGAN ini dimaklumkan bahawa Buku Peringatan Makluman No. 7169 disyitiharkan sebagai batal dan mansuh, barangsiaapa memiliki buku tersebut hendaklah melaporkan hal ini kepada Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan secepat mungkin.

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan melakukan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Di dalam Islam, salah satu ajarannya ialah supaya orang Islam akan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sederhana, tidak berlebihan terutama di dalam kita mempergunakan segala nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita, yang berupa kesenangan hidup. Baik di dalam kita berbelanja, berpakaian, di dalam makan dan minum kita sehari-hari. Pendeknya di dalam apa jua cara kita menjalani kehidupan kita sehari-hari sebaiknya adalah di dalam keadaan atau bentuk yang sederhana, iaitu tidak berlebihan sehingga membawa kepada sifat membazir, sebaliknya tidak juga terlampau bersikap bakhil atau kedekut.

Di sini kita bukanlah bertujuan untuk mengajar atau

Amalkan cara hidup yang sederhana dan bukan berlebihan

menunjukkan bagaimana hendak berbelanja, berpakaian yang macam mana boleh dipakai dan sebagainya. Semuanya itu adalah merupakan soal peribadi diri seseorang. Akan tetapi apa yang ingin kita ingatkan ialah jangan sampai kita orang-orang Islam ini memperia-ia sifat-sifat yang tidak diinginkan oleh agama kita. Iaitu seperti sifat-sifat pembaziran yang boleh membawa akibat buruk, iaitu yang boleh membawa kepada kufur terhadap nikmat Allah.

Di dalam Al-Quran ada menyebutkan tentang sifat membazir itu dengan jelasnya iaitu di dalam surah Al-Isra

SESUNGGUHNYA orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat berlaku kufur kepada Allah.

ayat 27 yang kira-kira tafsirnya.

"*Sesungguhnya orang-orang yang boros itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat berlaku kufur kepada Allah*".


Apabila seseorang itu telah dapat digoda oleh syaitan apatah lagi ianya telah terjumlah sebagai saudara syaitan, maka tidak mustahil pula orang yang seperti itu akan berkelakuan seperti timana kelakuan syaitan, iaitu bukan sahaja akan berlaku derhaka kepada Allah bahkan yang lebih dahsat ialah boleh membawa berlaku kufur sama ada kufur terhadap nikmat-nikmat Allah iaitu tidak pernah bersyukur kepada Allah. Tidak pernah mengeluarkan hak-hak yang wajib dikeluarkan seperti zakat, atau menggunakan nikmat-nikmat yang diperolehinya, seperti harta kekayaan yang digunakan pada jalan-jalan maksiat seperti judi, minum minuman yang diharamkan oleh agama dan sebagainya, semuanya itu adalah terjumlah di dalam istilah kufur nikmat semata-mata. Dan syaitan memang setiap masa inginkan supaya manusia akan mengikut jejak langkah mereka yang menderhakai Allah, supaya akan dapat menjadi teman mereka di neraka jahanam nanti.

Bila dikatakan supaya kita jangan bersifat membazir, maka tidaklah bererti kita akan menjadi orang bakhil atau kedekut, sehingga tidak mahu membelanjakan harta pada jalan-jalan yang dituntut oleh agama seperti memberikan belanja yang mencukupi kepada keluarga. Memberikan sedekah atau bantuan kepada mereka yang

memerlukan bantuan dan pertolongan dan seumpamanya. Sebenarnya sifat bakhil atau kedekut itu juga adalah dapat mendatangkan akibat yang buruk kepada diri orang yang bakhil itu, terutama bila dia bakhil atau tidak mahu belanjakan hartahartanya pada hak-hak yang dituntut oleh Allah. Cuba kita perhatikan firman Allah yang mengingatkan orang-orang yang bersifat bakhil atau kedekut itu di dalam surah Al-Imran ayat 18 yang kira-kira tafsirnya.

"*Sekali jangan orang-orang yang bersifat bakhil terhadap harta yang Allah berikan kepada mereka sebagai kurnia-Nya itu menyangka bahawa kejahilan mereka itu mendatangkan kebaikan kepada mereka. Sebenarnya kejahilan itu adalah keburukan kepada mereka. Harta yang mereka belanjakan itu akan dikalungkan di leher mereka di hari kiamat nanti, dan kepunyaan Allahlah segala warisan yang ada di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan*".

Sebenarnya kedua-dua sifat membazir atau bakhil bukan sahaja akan mendatangkan kesan yang buruk terhadap diri seseorang, bahkan mungkin akan mendatangkan kesan yang tidak baik terhadap masyarakat, bangsa dan negara umumnya, kerana kalau kita tidak dapat mentadbirkan segala sumber-sumber yang telah dikurniakan Allah kepada negara kita ini dengan baik dan wajar menurut sepertimana yang dikehendaki oleh Allah Subhanahu Wataala, terutama di dalam keadaan dunia yang mengalami



SEKALI-KALI jangan orang-orang yang bersifat bakhil terhadap harta yang Allah berikan kepada mereka sebagai kurnia-Nya itu menyangka bahawa kejahilan mereka itu mendatangkan kebaikan kepada mereka. Sebenarnya kejahilan itu adalah mendatangkan keburukan kepada mereka. Harta yang mereka belanjakan itu akan dikalungkan di leher mereka di hari kiamat nanti, dan kepunyaan Allahlah segala warisan yang ada di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.

kemelesetan ekonomi, yang merupakan sebagai satu bala dan cubaan daripada Allah, akibat daripada manusia sendiri yang tidak bersikap jujur dan membuat penyelewengan-penyelewengan dan penindasan-penindasan terhadap sesama manusia sendiri demi kepentingan masing-masing. Maka di dalam keadaan ini tidak mustahil negara kita juga akan mengalami kesan-kesan yang buruk itu.

Oleh itu untuk keselamatan dan kesejahteraan hidup kita, maka di dalam kita mentadbir dan menguruskan kehidupan kita, keluarga kita, dan seterusnya bangsa dan negara kita, maka janganlah kita lari dari ajaran-ajaran agama kita yang memang tujuannya kalau diikuti akan membawa kepada kehidupan yang baik dan sejahtera sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti.

Melatih anak mengerjakan sembahyang

ADALAH disadari bahawa ibu bapa mempunyai tanggungjawab yang besar dalam menentukan corak hidup anak-anaknya di masa hadapan. Anak-anak mudah menerima ajaran dan latihan sama ada ajaran itu perkara yang berkebaikan atau sebaliknya. Jelas pembentukan peribadi anak-anak adalah bergantung banyak kepada kesungguhan dan kebijaksanaan kedua ibu bapanya, selain itu peribadi dan perbuatan kedua ibu bapa itu sendiri tidak kurang memberi kesan dan pengaruh yang dalam di jiwa kanak-kanak. Adalah susah bagi ibu bapa yang tidak mengerjakan sembahyang tetapi memerintahkan anak-anaknya untuk mengerjakan sembahyang, sikap seperti ini tidak ubahnya seperti seekor ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul sedangkan dirinya sendiri tidak berjalan dengan betul. Tepatlah sebagaimana firman Allah di dalam Surah As-Shaf yang bermaksud: "*Hai orang-orang yang beriman, mengapakah kamu berkata apa yang tidak kamu perbuat. Sungguh besar murka Allah jika kamu berkata apa yang tidak kamu perbuat*".

Demikian juga dalam perkara bersembahyang, jika ibu bapa mahu anak-anaknya cenderung beribadat dan tahu akan kewajibannya sebagai seorang hamba Allah di muka bumi ini, maka dari semenjak kecil lagilah ibu bapa memperkenalkan kewajiban tersebut, sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Daud, kira-kira maksudnya:

Menuju Keredaan Allah

"*Perintahkanlah anak-anakmu mengerjakan sembahyang di waktu usia mereka meningkat tujuh tahun, dan pukullah mereka (jika mereka enggan mengerjakannya) di waktu usia mereka meningkat sepuluh tahun*".

Salah satu cara yang paling mudah ialah ibu bapa sendiri mengajak anak-anaknya bersembahyang sama ada secara berjemaah di rumah-rumah atau di masjid-masjid.

Sembahyang fardu adalah kepala segala ibadat kita kepada Allah. Tanpa mengerjakan sembahyang itu maka segala amalan kita di dunia ini, seperti melakukan sembahyang sunat, bersedekah, berpuasa dan apa jua amal kebaikan akan menjadi sia-sia sahaja disebabkan mengabaikan ibadat sembahyang itu. Jika demikian tidak ubahnya segala amalan baik yang kita lakukan itu seperti sebuah pohon yang rendang tapi tidak menghasilkan apa-apa buah, cuma indah dipandang mata tetapi tidak memberi manfaat kepada kita, akhirnya kita sendiri yang rugi membuang masa. Oleh yang demikian perlulah kita memelihara dan menyiramnya setiap hari dengan ibadat sembahyang yang difardukan Allah ke atas kita.

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 21 Januari, 1987 hingga ke hari Selasa 27 Januari, 1987 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
21	12.34	3.54	3.55	6.27	6.28	7.40	7.41	5.21	5.07	5.22	6.34	6.35
22	12.34	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.22	5.08	5.23	6.35	6.36
23	12.34	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.22	5.08	5.23	6.35	6.36
24	12.35	3.54	3.55	6.28	6.29	7.41	7.42	5.22	5.08	5.23	6.35	6.36
25	12.35	3.55	3.56	6.29	6.30	7.41	7.42	5.22	5.08	5.23	6.35	6.36
26	12.35	3.55	3.56	6.29	6.30	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.35	6.36
27	12.35	3.55	3.56	6.29	6.30	7.42	7.43	5.23	5.10	5.24	6.35	6.36

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

DBP sambut Jubli Perak ke-25 tahun

Kemampuan DBP terus dicabar dalam dunia kebahasaan

KEGIATAN awal sejak penubuhan Bahagian Bahasa dan Pustaka yang kemudian diubah namanya menjadi Dewan Bahasa dan Pustaka ialah mengadakan Kempen Bulan Bahasa pada tahun 1962. Inilah kali pertama Dewan Bahasa dan Pustaka mengadakan kempen dalam penggunaan bahasa Melayu secara meluas yang disambut secara besar-besaran. Sehubungan dengan kempen itu beberapa peraduan telah dianjurkan.

Tradisi mengadakan peraduan ini diadakan berterusan hingga ke hari ini untuk mencungkil bakat dan melaksanakan dasar jabatan ini di dalam usaha untuk mengembangkan bahasa, sastra dan budaya. Di antara peraduan yang pernah dianjurkan ialah Peraduan Menulis Cerita Tatarakyat,

Peraduan Menulis Buku Kesihatan, Peraduan Seni Lukis, Peraduan Ilustrasi Buku, Peraduan Menulis Seni Khat, Peraduan Menulis Rencana Umum, Peraduan Menulis Novel Sempena Hijrah 1400 dan Peraduan

Sambungan minggu lalu

Menulis Novel Sempena Kemerdekaan Brunei 1983 yang menyediakan sejumlah

hadiah yang besar di antara peraduan-peraduan yang pernah diungayahkan selama ini.

Dewan Bahasa dan Pustaka dalam peranannya untuk mengembangkan bahasa dan sastra tanahair sering mengajak pencinta bahasa, sastra dan budaya berbing-cang dan bertukar-tukar fikiran dalam pertemuan-pertemuan yang pernah diadakan. Pertemuan bahasa dan sastra seumpama ini diadakan dalam bentuk seminar, simposium dan majlis dialog.

Melihat dari berkurangnya kesedaran penggunaan dan pemahaman tulisan Jawi di kalangan generasi muda di negara ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Seminar Penyebaran dan Peningkatan Tulisan Jawi pada 29 Julai 1982. Pada tahun yang sama, Dewan Bahasa dan Pustaka juga mengadakan Simposium Sastra pada 29 September 1982 untuk mengukur dan menilai sejauh mana perkembangan kesusasteraan tanahair sejak diadakan Seminar Sastra yang pernah dianjurkan buat pertama kalinya oleh ASTERAWANI dalam tahun 1963.

Pada 12 hingga 16 Mei 1985, Dewan Bahasa dan Pustaka cuba mengupas pengertian dan konsep kebudayaan Brunei dalam Seminar Kebudayaan Brunei yang julung-julung kali diadakan. Selain daripada pertemuan yang bersifat nasional, Dewan Bahasa dan Pustaka juga pernah mengendalikan Pertemuan Sasterawan Nusantara IV dengan kerjasama ASTERAWANI pada 9 hingga 12 Disember 1985. Dalam mengendalikan pertemuan regional seperti itu memberi pengajaran dan pengalaman yang banyak kepada Dewan Bahasa dan Pustaka dalam memikul tanggungjawab yang besar sejajar dengan kebangkitan Negara Brunei Darussalam yang merdeka dan berdaulat.

Kegiatan

Dewan Bahasa dan Pustaka terus berusaha dalam merangka dan menjalankan beberapa kegiatan dan projek. Kegiatan itu ada yang merupakan projek tahunan atau bermusim yang dianjurkan oleh bahagian-bahagian yang berkenaan di jabatan ini. Di antaranya



PELANCARAN Bulan Bahasa pada 2 Julai 1962 oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohd. Yusof (kini Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof) di Padang Besar Bandar Brunei.



SEMINAR Penyebaran dan Peningkatan Tulisan Jawi telah dirasmikan pada 29 Julai 1982 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetus Pegawai Hal Ehwal Ugama (kini dikenali sebagai Menteri Hal Ehwal Ugama).

Tetamu DBP merupakan kegiatan tahunan di mana orang-orang tertentu yang pernah memberi sumbangan besar dalam kesusasteraan tanahair diberi penghormatan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Tetamu DBP diperkenalkan sejak tahun 1982 dan sehingga tahun 1986 sudah empat orang menjadi Tetamu DBP.

Selain daripada itu bahagian-bahagian tertentu juga mengadakan bengkel atau kursus yang disediakan bukan sahaja untuk kakitangan jabatan ini malah terbuka kepada orang ramai, terutama yang berminat dalam bidang-bidang berkenaan untuk mengembangkan bakat dan meningkatkan pemahaman mereka yang menyertainya. Bengkel dan kursus begini biasanya dikendalikan oleh tenaga pakar sama ada dari dalam negeri ini ataupun didatangkan dari luar. Sepanjang 25 tahun, pelbagai bengkel dan kursus telah dianjurkan. Di antaranya ialah Bengkel Penulisan Rencana Umum, Bengkel Buku Bergambar, Bengkel Cerita Bergambar, Bengkel Penulisan Novel, Bengkel Bahasa dan Sastra dan Bengkel Penerbitan Buku.

Sebagai dasar ketiga penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka yang berbunyi "mengeluarkan atau menentukan pengeluaran buku" jabatan ini terus berusaha dalam penerbitan buku sejak

penerbitan buku pertama yang bertajuk ABC dalam tahun 1965. Jabatan ini terus berusaha untuk menyediakan bahan bacaan untuk kanak-kanak, penuntut-penuntut dan orang ramai.

Sejak penerbitan buku pertama sehingga akhir tahun 1986, jabatan ini telah menerbitkan sejumlah 319 buah tajuk buku. Buku-buku ini terdiri daripada buku untuk bacaan kanak-kanak, buku teks dan teks tambahan, buku-buku umum dan buku-buku sastra. Di samping itu jabatan ini menerbitkan tiga buah majalah — dua majalah bulanan yang masing-masing bertajuk *Bahana* dan *Mekar* dan sebuah jurnal triwulanan, *Beriga*.

Dikembangkan

Dalam usaha memupuk tabiat suka membaca di kalangan masyarakat tempatan, perkhidmatan perpustakaan telah dikembangkan dan diperbesar-besarkan di keempat-empat daerah di negara ini. Di samping itu, jabatan ini juga terus berusaha untuk menambah dan meluaskan lagi perkhidmatan. Perpustakaan Bergerak di tempat-tempat yang menghendakinya dan difikirkan perlu. Sehingga kini terdapat 43 perhentian Perpustakaan Bergerak di seluruh negara. Seterusnya sebagai usaha untuk menanam tabiat suka mem-

Lihat muka 7



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz, Menteri Perhubungan melancarkan Minggu Pesta Buku DBP pada 19 Julai 1984.

PERPUSTAKAAN Bergerak DBP memulakan perkhidmatannya bagi penduduk Kampong Sengkurong pada 8 Ogos 1970 dan telah dirasmikan oleh Pesuruhjaya Kebajikan Masyarakat, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh.

YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd. Salleh telah diberikan penghormatan sebagai Tetamu DBP pada 29 Disember 1984.



Penanaman pokok buah-buahan tempatan: 10,000 pokok akan ditanam di kawasan jabatan Kerajaan menjelang 1990

BERAKAS. — Jabatan Pertanian kini merancang akan menanam kira-kira 10,000 pokok buah-buahan tempatan di kawasan bangunan jabatan-jabatan kerajaan dan kawasan perumahan menjelang tahun 1990.

Penanaman tersebut bertujuan bagi mengekalkan buah-buahan tempatan di negara ini dan merupakan salah satu rancangan Jabatan Pertanian

di bawah Rancangan Kemanusiaan Negara ke-5.

Ini telah dijelaskan oleh Pemangku Pengarah Pertanian Dr. Morni bin Othman di satu projek kerja gotong-royong menanam pokok buah-buahan di kawasan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Pertanian dan di kawasan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan,

yang berlangsung pada 11 Januari lepas.

Katanya, di samping memelihara buah-buahan tempatan, usaha demikian juga dihasratkan bagi meningkatkan minat orang ramai dalam penanaman pokok buah-buahan khususnya buah-buahan tempatan.


Sejumlah 182 pokok daripada kira-kira 22 jenis

Oleh Zubaidah Haji Salat

pokok buah-buahan tempatan seperti pokok buah durian, rambutan, limau, petai, tampoi, mangga, kembayau, asam aur-aur, manggis, langsung, rambai, nangka, tarap dan lain-lain telah ditanam pada hari tersebut yang diusahakan bersama oleh Jabatan Pertanian, Pejabat Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan.

Dato Paduka Haji Mohamad bin Haji Serudin, Pegawai Daerah Brunei dan Muara di dalam ucapannya di majlis tersebut, berkata, pasaran buah-buahan tempatan di negara ini masih belum memuaskan, dan negara kita masih ditumbuhi dengan buah-buahan dari negara-negara jiran yang mutunya lebih baik daripada buah-buahan tempatan.

Dari itu tegasnya, usaha yang sungguh-sungguh dari tenaga-tenaga kita sendiri amat diperlukan bagi



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Omar bin Haji Serudin ketika menanam seponon pokok langsung ketika pelancaran menanam pokok buah-buahan tempatan. — Gambar ihsan Jabatan Pertanian.

memperbaiki keadaan itu, kerana jika tidak demikian pasaran buah-buahan tempatan kita akan menerima nasib seperti yang ada sekarang.

Sementara itu Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Paduka Dr. Haji Mohd. Hussain bin Hj. Mohd. Daud menganggap usaha gotong-royong itu adalah satu usaha yang baik dan patut diteruskan bagi memelihara buah-buahan tempatan di samping mencantikkan kawasan.

Kerja gotong-royong

menanam pokok buah-buahan pada hari itu telah dimulakan oleh tetamu kehormat Yang Mulia Haji Omar bin Hj. Serudin, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri; Yang Mulia Mahai Ali bin Mahai Hj. Othman, Setiausaha Tetap (Teknikal) Kementerian Pembangunan dan Yang Mulia Pg. Mohd. Yassin bin PDN Pg. Haji Abdul Momin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan.

Lebih 200 orang pegawai dan kakitangan dari ketiga-tiga jabatan tersebut telah hadir di projek kerja gotong-royong itu.



GAMBAR merakamkan suasana gotong-royong menanam pokok buah-buahan tempatan di kawasan Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan baru-baru ini. — Gambar ihsan Jabatan Pertanian.

Tanggungjawab DBP semakin mencabar

Dari muka 6

baca, Gerakan Budaya Membaca telah dilancarkan pada 11 Disember 1983.

Pada tahun berikutnya sebagai lanjutan dari usaha memupuk tabiat suka membaca itu, Dewan Bahasa dan Pustaka menganjurkan Minggu Pesta Buku pada 19 hingga 25 Julai 1984. Minggu Pesta Buku ini bukan sahaja disertai oleh toko-toko buku tempatan tetapi disertai juga oleh jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Pelajaran, Jabatan Muzium, Jabatan Penerangan dan Jabatan Hal Ehwal Ugama dan beberapa toko buku dari Malaysia dan Singapura serta beberapa buah-kedutaan negara-negara ASEAN di Brunei Darussalam. Inilah pertama kalinya Dewan Bahasa dan Pustaka mengunakayahkan Pesta Buku yang bertaraf regional. Untuk pendedahan dan penyebaran buku-buku terbitan jabatan ini, jabatan ini juga telah menyertai Pesta Buku yang diadakan di Singapura dan Malaysia.

Ejaan rumi baru

Untuk menyelaraskan lima tujuan dasar Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan, Dewan Bahasa dan Pustaka sekali lagi telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk melaksanakan dan menyebarkan penggunaan ejaan rumi baru. Sungguhpun ejaan rumi baru ini telah diperkenalkan di sekolah-sekolah kerajaan dan banyak didedahkan penggunaannya

dalam buku-buku teks sekolah, majalah dan suratkhbar yang didatangkan dari luar negeri, tetapi sebilangan kecil sahaja yang memahami sistem ejaan baru itu.

Dengan penerimaan sistem ejaan rumi baru ini untuk digunakan di sekolah-sekolah, jabatan-jabatan kerajaan dan orang ramai seperti maksud Surat Keliling SUK Bil.: 5/1982, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipertanggungjawabkan untuk memikul tugas penyebaran sistem ejaan rumi baru ini. Dewan Bahasa dan Pustaka bertanggungjawab untuk melaksanakan dan membimbing pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan untuk mempelajari sistem ejaan rumi baru.

Seorang pakar mengenai sistem ejaan baru yang didatangkan dari Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia telah diundang untuk memberikan bimbingan mengenai sistem ejaan rumi baru kepada pegawai dan kakitangan Dewan Bahasa dan Pustaka. Sebilangan daripada pegawai dan kakitangan yang mendapat bimbingan asas dari tenaga pakar inilah yang menyebarkan sistem ejaan rumi baru ini menerusi kursus-kursus yang diarturkan oleh jabatan ini kepada jabatan-jabatan kerajaan yang telah dipilih sebagai langkah permulaan mengikuti kursus yang dirancang.

Semenjak 25 tahun pelbagai kegiatan telah dilaksanakan dari sekecil-kecilnya hinggalah kepada kegiatan yang besar yang bersifat regional. Kemasukan Brunei Darussalam ke dalam ASEAN secara langsung melibatkan negara ini ke dalam kegiatan yang bersifat regional, baik di bidang kebudayaan dan penerangan.

Dalam usahasama ini, Dewan Bahasa dan Pustaka telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan dua projek iaitu pengumpulan "Anthology of ASEAN Literature" and "Forms of Courtesy".

Tahap yang lebih mencabar dalam menjangkau usia 25 tahun ini ialah ketika Dewan Bahasa dan Pustaka memasuki era baru dalam dunia kebahasaan. Detik itu ialah ketika Brunei Darussalam yang diwakili oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah diterima dengan rasminya menjadi ahli Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) dalam Majlis Bahasa Indonesia-Malaysia (MBIM) yang ke-24 yang bersidang pada 4 November 1985 di Jakarta. Dengan penyertaan Brunei Darussalam dalam MABBIM secara langsung tugas dan tanggungjawab Dewan Bahasa dan Pustaka di bidang kebahasaan serantau semakin mencabar sejajar dengan kehendak Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan tujuan dasar penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka.



PERARAKAN Mengelilingi ibu negara sempena Pelancaran Bulan Bahasa di negara ini telah diadakan pada 2 Julai 1982 (atas). Sementara gambar bawah memperlihatkan ketika Bengkel Penulisan Majalah Kanak-Kanak diadakan pada 27 November 1983.





MAJLIS menandatangani Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara antara Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan Thailand telah berlangsung di Dewan Majlis, Lapau baru-baru ini. Menandatangani bagi pihak Kerajaan ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz, Menteri Perhubungan sementara Thailand diwakili oleh Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.

Brunei Darussalam - Thailand tandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Upacara Menandatangani Perjanjian Perkhidmatan-Perkhidmatan Udara antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand telah berlangsung di Dewan Majlis, Lapau di ibu negara di sini pada 13 Januari lepas.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha

Oleh: Haniza Abdullah

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz. Sementara Kerajaan Thailand diwakili oleh Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara, Tuan Siddhi Savetsila, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Thai.

Menteri Perhubungan, dalam ucapannya berkata, perjanjian yang ditandatangani ini mencatatkan satu lagi peristiwa penting ke arah mengeratkan lagi perhubungan di kalangan enam buah negara anggota ASEAN.

Menurut Yang Berhormat, ini adalah kali ketiga Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menandatangani perjanjian perkhidmatan udara dengan negara-negara ASEAN.

Dalam pada itu Yang Berhormat Pehin juga menyentuh kejayaan yang dicapai oleh Kerajaan

Thailand dalam perkembangan penerbangan awamnya.

Menteri Hal Ehwal Luar Thai dalam ucapannya pula melahirkan keyakinannya bahawa pelaksanaan perjanjian tersebut bukan sahaja akan membantu dalam meningkatkan perdagangan dan pelancongan tetapi juga akan mengukuhkan lagi perhubungan baik yang sedia wu-

jud antara kedua buah negara.

Menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pada hari itu ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, dan Duta Besar Thailand ke negara ini Tuan Yang Terutama Tuan Somchit In-singha.

Brunei Darussalam dalam kenangan

PADA tahun 1906, Negara Brunei Darussalam telah mula mengenalkan bendera negaranya sendiri seperti apa yang ada sekarang iaitu jalur kuning, putih, hitam dan kuning. Manakala lambang di tengah-tengah bendera yang ada sekarang masih belum digunakan lagi.

Setelah pemasyhuran Perlembagaan Negeri Brunei pada 29 September 1959, barulah lambang di tengah-tengah bendera Negara Brunei Darussalam itu

dilekatkan, iaitu seperti yang dapat dilihat dewasa ini.

Sebenarnya sebelum tahun 1906, Negara Brunei Darussalam belum lagi mempunyai apa-apa bendera negaranya sendiri. Ketika itu di negara kita hanyalah berkibar beberapa bendera peribadi sahaja iaitu seperti bendera Sultan sendiri serta bendera peribadi para Wazir di negara ini, seperti Bendahara, Pamanha dan lain-lainnya.

Bermesra dengan sistem metrik...

TAHUKAH AWDA

*Unit asas bagi ukuran tinggi atau panjang ialah sentimeter (cm) atau meter (m).

*Acara-acara sukan seperti lompat tinggi, lompat jauh, lompat kijang, lempar peluru dan lempar cekera disukat dalam meter.

*Air pasang surut kini diumumkan dalam sukatan metrik (meter).

*Berapa tinggi anak awda dalam ukuran metrik.

TINGGI

KAKI DAN INCI	KE	METER
1 0		0.30
1 1		0.33
1 2		0.36
1 3		0.38
1 4		0.41
1 5		0.43
1 6		0.46
1 7		0.48
1 8		0.51
1 9		0.53
1 10		0.56
1 11		0.58
2 0		0.61
2 1		0.64
2 2		0.66
2 3		0.69
2 4		0.71
2 5		0.74
2 6		0.76
2 7		0.79
2 8		0.81
2 9		0.84
2 10		0.86
2 11		0.89
3 0		0.91
3 1		0.94
3 2		0.97
3 3		0.99
3 4		1.02
3 5		1.04
3 6		1.07
3 7		1.09
3 8		1.12

KAKI DAN INCI	KE	METER
3 9		1.14
3 10		1.17
3 11		1.19
4 0		1.22
4 1		1.25
4 2		1.27
4 3		1.30
4 4		1.32
4 5		1.35
4 6		1.37
4 7		1.40
4 8		1.42
4 9		1.45
4 10		1.47
4 11		1.50
5 0		1.52
5 1		1.55
5 2		1.57
5 3		1.60
5 4		1.63
5 5		1.65
5 6		1.68
5 7		1.70
5 8		1.73
5 9		1.75
5 10		1.78
5 11		1.80
6 0		1.83
6 1		1.85
6 2		1.88
6 3		1.91
6 4		1.93
6 5		1.96
6 6		1.98

Barang-barang kemas dijumpai

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Majlis Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam mengumumkan barang-barang kemas yang telah dijumpai seperti berikut :—

- * Seutas gelang bersama buahnya yang telah dijumpai di tempat letak kereta berhadapan dengan Kedai Lai Lai di Batu 1½ Jalan Tutong.
- * Seutas gelang yang telah dijumpai di tempat Tamu Sungai Kianggeh Bandar Seri Begawan.

Siapa-siapa yang kehilangan barang-barang tersebut di atas bolehlah berhubung dengan Pengeloa Baitulmal, Zakat dan Fitrah, di Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam.

Pasport khas haji

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama memaklumkan, bahawa bakal-bakal haji yang terdiri dari warganegara Brunei Darussalam yang belum lagi membuat pasport haji khas untuk menunaikan fardu haji pada musim haji tahun 1987/1407 ini adalah diminta untuk berbuat demikian selewat-lewatnya pada 29 Januari 1987.

Sementara itu bakal-bakal haji yang telah pun membuat pasport haji berkenaan, mereka bolehlah dari sekarang mengambil pasport mereka yang telah pun siap di Pejabat-Pejabat Imigresen di Bandar Seri Begawan, Belait, Tutong dan Temburong iaitu mengikut daerah di mana mereka telah membuat pasport tersebut dengan membawa resit-resit pembayaran mengenainya pada waktu-waktu pejabat dibuka.

Toleh pandang Pelita Brunei

PELITA BRUNEI keluaran 1 Oktober 1975 mencatatkan tentang ketibaan kapal ronda pertama untuk Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kapal yang dibina di lim-bungan Vosper Thornycroft itu telah tiba di negara ini pada 27 September 1975.

Fungsi utama kapal tersebut ialah bagi mengadakan rondan di

sepanjang pantai di negara ini.

Kapal itu mempunyai kelajuan maksima 24 knot dan dilengkapi dengan alat radar dan lain-lain alat perhubungan moden. Ianya berharga kira-kira \$500,000.

Pasukan Polis Laut telah ditubuhkan pada tahun 1974 yang berpangkalan di Muara

Baharu Kad Pengenalan

Adalah dimaklumkan kepada orang ramai khasnya kepada pemegang Kad-Kad Pengenalan warna kuning dan ungu bahawa penggantian Kad Pengenalan yang sudah genap 10 tahun atau lebih secara bersiri yang dimulakan dari 1 Mac, 1986 telah pun berakhir pada 31 Disember, 1986.

Oleh yang demikian mereka yang belum lagi mengganti Kad Pengenalan yang sudah genap 10 tahun itu dalam masa yang telah ditetapkan adalah dimasihatkan supaya mengganti Kad Pengenalan mereka dengan seberapa segera sebelum tindakan undang-undang diambil terhadap kelalaian mereka.

Kepada pemegang Kad Pengenalan yang belum lagi genap tempoh menggantinya pada ketika ini, mereka hendaklah mengganti Kad Pengenalan mereka itu apabila Kad Pengenalan mereka itu sudah genap (A) 5 tahun bagi pemegang Kad Pengenalan yang berumur 17 tahun ke bawah (B) 10 tahun bagi pemegang Kad Pengenalan yang berumur 17 tahun ke atas.

PENGENALAN ISU

SATU di antara faktor kemunduran umat Islam masa kini ialah bukan kerana kekurangan sumber kekayaan, tetapi kerana kurang bijak menggunakan kekayaan/modal yang ada pada mereka. Gejala buruk ini amat terasa dalam zaman manusia berlumba-lumba mengejar kemakmuran melalui segala bentuk, cara dan alat yang baru. Peluang dan kemampuan yang ada pada mereka tidak disalurkan secukupnya untuk pembangunan dan ketahanan ummah; sehingga kedudukan mereka dalam semua bidang, sains, teknologi, ekonomi, politik, sentiasa di belakang orang-orang yang bukan Islam.

Bumi-bumi yang diduduki dan ditadbir oleh orang-orang Islam amat kaya, dari minyak kepada bijih, dari kesuburan tanah kepada pembiakan ternakan dan boleh dikatakan apa saja benda yang diperlukan bagi kehidupan manusia sudah tersedia ada; apa yang diperlukan ialah usaha yang cekap, pemusingan yang betul, dan penggunaan yang baik dan seimbang. Tetapi, apa yang ketara, unsur-unsur usaha, pemusingan dan penggunaan masih menjadi tanda tanya dan kerana itu, maka umat Islam yang sudah merdeka dari penjajah masih merangkak di tahap yang tidak memuaskan.

Masyarakat dunia mengakui bahawa punca-punca ekonomi yang terbanyak, terletak di negara-negara Islam, negara yang mencapai perkapita tertinggi di dunia dari negara Islam, orang yang terkaya di dunia juga dari orang Islam; Tetapi kekayaan itu tidak mencerminkan kemakmuran dan kemajuan umat Islam. Ekonomi mereka masih kukar-kacir, politik mereka masih gelap dengan asap letupan senjata, bilangan orang yang buta huruf masih banyak, teknologi mereka masih di tahap bawah.

Kedua yang kurang menyenangkan ini amat mencabar golongan yang sedar. Sekarang sudah sampai waktunya bagi mereka yang sedar menggerakkan ummah supaya mereka bangun dan melihat hidup ini dengan tanggungjawab dan positif. Satu dari bidang-bidang hidup yang perlu dihayati oleh umat Islam ialah pelaburan. Kegiatan pelaburan penting; ia berkaitan dengan pemakmuran alam, penentuan masa depan ummah, dan amat digalakkan oleh agama.

Sikap negatif terhadap ekonomi adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan ia bersifat self-defeating (merosak diri sendiri); sikap yang tidak menguntungkan ini perlu dikikis, kalau umat Islam mahu menahut seruan Ilahi dan mencapai kesempurnaan hidup yang diredai Allah.

Umat Islam perlu diberi kesedaran yang menyeluruh tentang tanggungjawab mereka sebagai khalifah Allah di muka bumi ini; usaha ini tidak boleh dilakukan dengan sambil-an atau hangat-hangat tahi ayam. Setiap individu yang mampu, kewangan dan pengetahuan hendaklah melibatkan diri dengan serius dan dengan semangat menahut seruan Islam.

TUJUAN KERTAS KERJA

Dalam kertas kerja yang ringkas ini, penulis akan cuba memaparkan dan menjelaskan beberapa perkara yang berhubung dengan pelaburan. Tinjauan ini dilihat dari perspektif Islam, di samping mengemukakan beberapa gagasan yang praktikal dan munasabah bagi umat Islam dalam bidang pelaburan.

Di antara tajuk-tajuk pokok dalam kertas kerja ini ialah:

- i. Konsep Harta;
- ii. Sikap Positif Terhadap Kegiatan Ekonomi;
- iii. Pengumpulan Modal;
- iv. Konsep pelaburan;
- v. Bentuk-Bentuk Pelaburan:
- Mudarabah
- Musyarakah
- Murabahah
- Ijarah
- Bai Bith Thaman Ajil
- vi. Suasana Pelaburan:
- Individu
- Awam
- vii. Konklusi dan Saranan.

KONSEP HARTA

Kekayaan alam yang wujud ini ciptaan dan milik Allah; manusia diberi hak untuk mengambil dan menggunakan manfaatnya.

Sistem pelaburan dalam Islam

Manfaat alam ini boleh dipelbagai dan boleh diperganda mengikut kemahuan dan kemampuan manusia melakukannya. Dengan kata lain, kekayaan alam merupakan bahan mentah yang boleh diper-makmurkan untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia.

Harta dari perspektif Islam tidak lebih daripada alat atau wasilah untuk mencapai sesuatu yang baik atau sebaliknya; ia tidak boleh dijadikan matlamat sesuatu usaha, dan tidak boleh dijadikan tujuan hidup manusia. Kerana sifatnya sebagai alat atau wasilah, maka ia tidak boleh disembah atau dipuja.

Islam menggalakkan manusia mencari harta supaya mendapat kehidupan yang selesa, baik, kukuh dan mantap; meskipun begitu, Islam telah menggariskan dengan jelas tentang garis-garis panduan pendapatan dan penggunaan. Manusia sebagai pengguna kekayaan alam ini dituntut oleh Allah supaya segala aktiviti-aktiviti ekonomi dilakukan dalam lingkungan batas-batas yang telah ditetapkan oleh syarak.

Kekayaan alam ini nikmat kurniaan Allah, tabiat manusia mencintai harta juga nikmat pemberian Allah; maka manusia, digalakkan melaburkan kekayaan untuk menahut nalurinya menambah dan memperkembangkan kekayaan. Pengembangan kekayaan dalam bentuk pelaburan bukan saja akan memberi manfaat kepada pelaburannya, bahkan anggota-anggota masyarakat yang terlibat dengannya pun akan menikmati juga.

Dalam kehidupan manusia, dua tuntutan asasi harus dipenuhi:

- Tuntutan Fitrah; dan
- Tuntutan Syarak.

Tuntutan fitrah ialah tuntutan fizikal bagi seseorang yang harus dipenuhi dengan penuh saksama di antaranya termasuklah mencari dan menikmati harta kekayaan. Tuntutan fitrah ini kalau tidak dipenuhi boleh membawa kepada keburukan ke atas fizikal seseorang. Oleh itu, Islam bukan saja membolehkan seseorang mencari harta kekayaan sebanyak yang mampu, tetapi menjadikan ia satu tugas di dalam wadah pemakmuran alam. Dalam kanun tabi'inya, bahawa kesempurnaan ibadah tidak dapat dilakukan kecuali dengan terpenuhnya tuntutan-tuntutan fizikal.

Tuntutan Syarak merupakan garis-garis pandu dan nilai-nilai umum serta khusus yang diturunkan Allah melalui Nabi-Nya untuk kesejahteraan manusia; ia juga menjadi panduan membina tamadun manusia yang diredai Allah. Konsep-konsep universal yang harus diamalkan manusia ditekankan begitu jelas, seperti konsep keadilan, kebebasan, permesyuaratan, persaudaraan, kerjasama dan lain-lain; dalam bidang ekonomi, dikemukakan konsep pemakmuran, keberkesanan, melipatganda dan mempelbagai manfaat, kesaksamaan agihan, produktiviti, kerajinan, ketelitian, perancangan dan lain-lain; kerana semangat Islam semangat membangun, maka perkara-perkara yang negatif dan destruktif di larang melakukannya seperti rasuah, zalim, monopoli, perampasan, eksploitasi, penipuan, pencurian dan lain-lain.

SIKAP POSITIF TERHADAP AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Dilihat dari sudut pengeluaran, bahawa kekayaan yang disediakan Allah (s.w.t) ini hendaklah diolah, diurus dan dimanfaatkan selari dengan Syariat Islamiah. Kerana Allah telah menyediakan Syariat sebagai peraturan dan panduan hidup manusia, kekayaan yang ada di tangan hendaklah dilaburkan dengan cara dan di bidang-bidang yang diharuskan oleh Syariat Islamiah bagi memenuhi keperluan-keperluan hidup. Untuk tujuan tersebut, Allah (s.w.t.) melarang sekeras-kerasnya pembekuan modal, sama ada dalam bentuk sorok atau pembekuan. Segala modal, dalam bentuk wang atau harta tetap, hendaklah dikumpulkan dan setelah terkumpul

hendaklah di gerakkan dan dipusingkan supaya berfungsi dan produktif dalam pembangunan ekonomi. Manfaat dari pemusingan modal-modal terkumpul dalam bentuk barangan atau perkhidmatan akan dapat dinikmati oleh pemilik modal, pengusaha dan orang ramai.

Berulang-ulang Allah (s.w.t.) mengingatkan manusia supaya menggunakan senjata hidupnya, iaitu berupa kemampuan mental dan tenaga fizikal, untuk menghadapi cabaran hidup yang dipertanggungjawabkan. Memakmurkan alam adalah satu di antara tanggungjawab asasi manusia sebagaimana dijelaskan dalam firman-Nya yang bermaksud: "*Dia telah menjadikan kamu dari tanah dan kamu dituntut supaya membangun/memakmurkannya.*" — Hud (11):61.

Dari ayat di atas bolehlah difahamkan bahawa menunaikan tugas memakmurkan alam adalah tugas suci dan segala amalan ke arahnya, dengan cara-cara yang diizinkan Syarak, merupakan amal saleh. Oleh itu, sikap negatif terhadap kegiatan ekonomi dan pembangunan alam merupakan sikap yang tidak diingini Islam.

Di samping sikap positif terhadap kegiatan ekonomi, Islam menekankan supaya manusia sentiasa optimistik terhadap hidup.

Firman Allah yang bermaksud: "...Dan orang-orang yang berdoa dengan berkata: *Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah ke atas kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, serta elakkan kami dari seksa neraka. Mereka itulah yang memperoleh bagian yang baik dari apa yang mereka usahakan.*" — Al-Baqarah (2):202.

Firman-Nya lagi yang Bermaksud: "*Apabila selesai menunaikan sembahyang, maka bertebarkanlah kamu di muka bumi, dan carilah kurnia Allah serta ingatlah banyak-banyak tentang Allah (yang memberi kuasa dan peraturan hidup) supaya kamu mendapat kemenangan (kejayaan).*" — Al-Jumu'ah (62):10.

Unsur ekonomi amat penting bagi kehidupan manusia. Oleh yang demikian, pembangunan ekonomi menjadi satu dari perkara-perkara asas yang membolehkan manusia menunaikan risalah Ilahiyah yang dinyatakan dalam Al-Quran sebagai *raison d'etre*.

PEMBENTUKAN MODAL

Mengikut pandangan tradisional, bahawa pembentuk/pengumpulan modal dianggap sebagai penentu asas bagi pembangunan ekonomi; ia berpunca dari lebihan (surplus) selepas ditolak *cost of production*; dan skop pembentukan ditentukan oleh saiz dan penggunaan lebihan itu. Mengikut neo-classical economics, bagaimanapun, penekanannya berubah dari bersifat pertumbuhan dinamik jangka panjang kepada statik. Perhatian golongan ini tertumpu pada harta-harta dalam ekonomi dengan faktor-faktor pengeluaran tetap, atau punca-punca yang terbatas. Fokus analisisnya pada keberkesanan lokasi punca-punca terbatas dalam konteks keutamaan-keutamaan pengguna; atau dengan kata lain, ia bergantung pada struktur modal.

Modal dalam teori ekonomi klasik adalah satu di antara faktor-faktor pengeluaran, yang lainnya ialah tanah dan kerja. Ia terdiri dari harta atau kekayaan, yang datang dan menghasilkan pendapatan, dalam bentuk wang, dan ia digunakan bagi mengeluarkan harta atau kekayaan tambahan. Ada kalanya, perbezaan dibuat antara modal wang (money capital), atau modal yang tersimpan dalam simpanan bank, dengan modal harta (property capital), atau modal dalam bentuk surat milik seperti stock, bond dan mortgage. Amat sedikit bilangan ahli-ahli ekonomi yang memasukkan pengetahuan ke dalam pengertian modal dengan asas ia sebagai punca pendapatan. Dalam amalan perdagangan moden, istilah modal kemungkinan dirujuk kepada jumlah harta-harta (assets) perdagangan.

KERTAS Kerja ini dibentangkan oleh Dr. Sobri Salamon dalam Seminar Syariah Islamiah yang telah dilangsungkan di Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

Menurut Islam, modal bukan semata-mata terdiri dari harta/kekayaan material yang memainkan peranan dalam pertumbuhan ekonomi, tetapi ia merangkumi faktor manusia, iaitu prestasi manusia. Semua jenis kemajuan sosial termasuk bidang ekonomi, adalah natijah langsung dari prestasi, kepercayaan, sikap dan motivasi manusia; prestasi manusia bergantung bukan saja pada pilihan yang tepat dari segi kepercayaan, ide, matlamat dan aspirasi, tetapi lebih tepat pada tarbiyah/tazkiyah. Tazkiyah, dengan pengertian yang luas, bermaksud satu konsep komprehensif merangkumi daya kreatif kemahiran dan motivasi yang betul. Ia bertalian rapat dengan prestasi manusia dalam kegiatan-kegiatan sosial, termasuk ekonomi, berasaskan konsep ini, apa-apa pelaburan dalam bidang keperluan dengan mempertingkat kemampuan manusia bererti pelaburan modal dalam pengertian yang luas.

Dalam sebuah kertas kerja yang mencabar, Aqeel A. Ansari, telah cuba meneroka tentang pembentukan modal dalam rangka ekonomi Islam. Beliau cuba merangka satu bentuk KESEPADUAN (integrated design); dengannya bukan saja mengenal pasti bentuk institusi-institusi ekonomi tetapi menghayati pertalian erat dengan institusi-institusi sosial, politik dan agama.

Proses pembentukan modal telah dihubungkan dengan proses pembangunan ekonomi dalam ekonomi Islam. Pendekatan-pendekatan sekular dalam pembentukan modal yang dirancang untuk mencapai sesuatu matlamat ekonomi, sekular, dari segi relevansinya terhadap ekonomi Islam, adalah terbatas. Dikatakan terbatas, kerana pendekatan sekular fokus pada gelagat ekonomi manusia. Sedangkan pendekatan Islam dalam pembentukan modal, sebaliknya, merangkumi skop yang luas iaitu menepadukan dimensi-dimensi gelagat sosial, moral, politik dan kerohanian.

Tujuan asas pembangunan dalam ekonomi Islam ialah kesimbangan/keharmonian antara kepesatan pembangunan dengan keadilan agihan. Ia tidak menunggu pembangunan sempurna baru memikirkan tentang agihan. Pendekatan Islam menghadapi dua perkara tersebut (pembangunan dan agihan) serentak. Matlamat-matlamat lain ekonomi Islam ialah untuk memperluas pemilikan punca-punca ekonomi di kalangan orang ramai sebagai jalan bagi mencapai keadilan yang lebih besar; juga untuk menggalakkan penggunaan punca-punca manusia dan memperluaskan penyertaannya dalam proses pengeluaran.

Ansari menyarakan empat institusi yang boleh menggalakkan dan menghayati proses pembentukan modal, iaitu institusi keluarga, ummah, masjid dan kerajaan. Asas unit sosial dalam Islam ialah:

KELUARGA

Keluarga (family), di mana Ansari membahagikan kepada tiga kategori:

* **Keluarga-keluarga tidak berkontrak.** Mereka terdiri dari pekerja-pekerja sendiri terlibat dalam kegiatan-kegiatan pengeluaran, perdagangan barangan dan perkhidmatan; mereka merangkumi petani-petani mengusahakan tanah milik mereka sendiri, pemandu-pemandu teksi yang memandu kereta milik mereka dan seumpamanya. Pendapatan pokoknya ialah keuntungan; dan tendensi penabungan mereka tidak semestinya besar.

* **Keluarga-keluarga berkontrak.** Mereka terdiri dari keluarga-keluarga yang menawarkan perkhidmatan dalam bentuk kontrak. Meskipun mereka mungkin mempunyai pendapatan dari asset-asset milik mereka, namun gaji perburuhannya merupakan punca utama. Tendensi penabungannya mungkin dari kosong kepada sederhana.

(Bersambung)

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

Mari berpantun di Radio

BEBERAPA dekad yang lalu — pada tahun-tahun 1960an dan 1970an, berpantun di radio adalah merupakan salah satu rancangan di Radio Brunei yang agak popular dan diminati ramai, sama ada oleh pendengar-pendengar radio di negara ini mahupun para pendengar di negara jiran tetangga. Menerusi rancangan berpantun di radio ini orang ramai berkesempatan mengambil bahagian, semata-mata untuk berhibur atau mungkin juga untuk mengasah bakat di dalam bentuk penulisan 'puisi lama' tersebut.

Pantun, sebenarnya adalah merupakan salah satu warisan 'puisi lama' orang-orang Melayu dari zaman berzaman. Pada zaman gemilang bangsa Melayu di Nusantara ini dulu, pantun adalah merupakan semacam satu alat ataupun 'Media' antara individu kepada individu yang lain, atau dari satu kelompok kepada kelompok yang lain di dalam masyarakat Melayu lama dahulu.

Pantun begitu tersebar luas di dalam berbagai bentuk kehidupan bangsa Melayu. Dari kehidupan rakyat biasa, masyarakat tani dan nelayan hinggalah membawa ke golongan atasan, pantun tidak boleh dipisahkan dari bermain 'di lidah' mereka. Dalam setiap majlis kecil-kecilan sehingga ke adat istiadat besar-besaran, malahan, di dalam hukum perundangan masyarakat Melayu lama sendiri banyak diselitkan dengan puisi lama — pantun. Pendek kata, pantun merupakan semacam asam-garam dalam semua kehidupan yang meliputi pendidikan, adat kebudayaan, ekonomi, undang-undang lama dan sebagainya.

Begitu luas dan pentingnya 'penggunaan' pantun di dalam kehidupan datuk nenek kita dahulu. Sindir-menyindir, ajar-nasihat, gurau-jenaka, teka-teki, marah, jatuh cinta dan sebagainya seringkali diselitkan dalam 'bahasa pantun'. Justeru, menerusi pantun ini semua masyarakat Melayu lama lebih masak dan tajam 'perhatian dan pentafsiran' hidup mereka setiap masa.

Tetapi, hari ini pantun seakan-akan dilupakan oleh masyarakat Melayu terutama sekali golongan generasi baru. Walau bagaimanapun, kami dari Perkhidmatan Radio Brunei Bahagian Melayu telah berusaha untuk menghidupkan semula warisan puisi lama ini. Satu ketika dahulu rancangan berpantun di radio agak popular di Radio Brunei yang diberikan nama 'Ruang Puspita', yang mula diterbitkan pada tahun 1960an. Kemudian, pada tahun 1970an diubah pula kepada nama 'Mari Berpantun'. Setelah hampir sepuluh tahun menghilang, pada awal tahun 1987 ini rancangan 'Mari Berpantun' dihidupkan semula sebagai salah satu rancangan berbentuk hiburan di radio.

Rancangan 'Mari Berpantun' memakan masa kira-kira 30 minit. Rancangan ini disiarkan tiap-tiap hari Ahad, kira-kira jam 2.00 petang. Pada tiap-tiap hari Rabu jam 4.00 petang pula adalah merupakan waktu siaran ulangannya.

Matlamat Radio Brunei menghidupkan semula rancangan-rancangan lama seperti ini adalah untuk memenuhi citarasa pendengar radio di negara ini. Di samping itu, para pendengar yang terdiri daripada berbagai golongan dan peringkat umur adalah dipelawa bagi menyertai ruangan berpantun di radio.

Kirimanlah pantun-pantun awda kepada Penerbit Mari Berpantun di Radio, Bahagian Melayu, Radio Televisyen Brunei, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri. Insya-Allah, pantun-pantun yang awda kiriman itu akan kami jadikan bahan-bahan rancangan Mari Berpantun di Radio.



TETAMU RADIO

Kepada peminat Ramlah Ram, jangan lupa untuk mengikuti temubual rakan sekerja Salmah Haji Abdul Rahman bersamanya menerusi rancangan Tetamu Radio. Siarannya pada hari Ahad 25 Januari, 1987 jam 4.30 petang.

Pertandingan Bintang Kecil '87



PERTANDINGAN Nya-nyian Bintang Kecil 1987 Peringkat Daerah Brunei-Muara telah diadakan pada 4 Januari, 1987 yang lalu.

Seramai 15 orang terpilih untuk memasuki pertandingan separuh akhir negara yang akan diadakan pada 23 dan 25 Januari, 1987 bertempat di

Dewan Raya Radio Televisyen Brunei mulai jam 2.00 petang.

Mereka yang terpilih ialah:—

Mohd Hilmei Haji Mohd Yassin, Zazarina Zainuddin, Mohd Jofri Musa, Hazmin Hatta Hamzah, Mohd Fazrul Eimmay Damit, Dk Nazhatul Shahima Pg Has-

san, Mohd Yusri Kiffi, Hardina Haji Ahmad, Ak Shahrul Rezal Malek Faisal Pg Merali, Hajjah Nazriah Haji Jawawie, Siti Mashar Diana Ross Watee Haji Shaari, Saadiyah Haji Mohd Sout, Dk Suria Nadia Pg Ahmad, Sofri Yahya dan Arini Melati Awang Ahmad.

Mari Memasak:

Kek Alunan Senja

BAHAN-BAHAN:
NYA :—

- ½ tin susu manis
- 1 gelas air panas
- 20 keping biskut cream crackers
- 8 aun mentega
- 1 tin serikaya (saiz tin susu)
- 8 biji telur ayam
- 1 gelas gula.

CARA MEMBUAT:
NYA :—

Acuan disapu dengan sedikit mentega dan dialas dengan kertas minyak. Rendamkan roti cream

crackers dengan air panas dan susu. Mentega dan serikaya dipukul sampai naik. Kemudian telur dan gula dipukul dalam tempat yang lain sampai naik juga. Sesudah itu campurkan kedua adunan tadi sampai sebat. Masukkan roti yang sudah direndam ke dalam adunan tadi dan gaul lagi sampai sebat. Tuangkanlah adunan tadi ke dalam acuan yang sudah disediakan tadi, tuanglah dengan kertas minyak dan kukuslah kira-kira 1½ jam.

Sandiwara Radio:

"INSAF"

UNTUK keluaran Sandiwara Radio Minggu Ini, skrip yang berjudul "INSAF" tulisan Latifah Yussof, Negara Brunei Darussalam telah dipilih untuk mengisikannya.

Karya yang bertema keagamaan ini mengutarakan watak Pak Karim selaku watak utamanya. Pak Karim begitu angkuh dengan kebolehan dan berjayanya ia mendapat kelulusan sarjana di bidang Sains. Dengan ketokohnya itu ia merasa-

kan dirinya sempurna dan ekoran dari itu ia menjadi alpa akan nilai-nilai pegangan hidup yang harus dipegang oleh seorang Islam.

Pak Karim lupa untuk bersyukur atas kenikmatan yang diterimanya. Ia sama sekali tidak mahu meluangkan masanya untuk memimpin anak dan isterinya ke jalan yang diredai Tuhan.

Roslan yang menjadi anak angkat kepada Pak Karim dan Mak Minah telah berjaya membimbing Mak Minah ke jalan yang lurus. Sedangkan Pak Karim dan anaknya Ani hanya merasakan perbuatan Roslan sebagai pengacau ketenteraman mereka.

Kerana Roslan selalu dianggap menjadi pengacau di rumah itu, Pak Karim tidak dapat lagi menahan kemarahannya, dan membuka rahsia tentang siapa Roslan sebenarnya. Sekaligus ia dihalau dari rumah itu.

Setelah Roslan keluar, timbul pula satu masalah lain. Ani yang biasanya unah tiba-tiba bertukar menjadi seorang yang murung dan lebih banyak mengurungkan diri di bilik. Perkara ini merisaukan Mak Minah. Akhirnya Ani berterus-terang mengatakannya yang ia sudah mengandung akibat dari perbuatan seorang lelaki bukan Islam yang tidak bertanggungjawab.

Kerana hendak menutup malu dan menunjukkan kepakarannya, Pak Karim terus memutuskan hendak mengurungkan kandungan Ani di makmalnya. Pada masa itulah kemalangan menimpa keluarga Pak Karim. Makmal yang digunakan oleh Pak Karim itu terbakar. Apakah yang akan terjadi seterusnya?

Jangan lupa untuk mengikuti siarannya nanti pada 25 Januari, 1987 jam 11.30 pagi. Rancangan ini diterbitkan untuk siaran oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.



Sudut Remaja

MEMINATI lagu-lagu berirama Jazz. Penyanyi remaja yang akan mengisikan Sudut Remaja minggu ini ialah Norazidah Mohd Zain.

Jangan lupa untuk mengikuti rancangan ini pada hari Isnin 19 Januari jam 4.00 petang dan akan diulang siarannya pada hari Rabu 21 Januari jam 9.30 malam.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

HARI RABU 21 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 321 CONTACT: "Space Monday" (Siri baru)
- 5.00 THE WORLD OF SURVIVAL: "Bring Back The Buzzard"
- 5.25 MAGICAL WORLD OF GIGI
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE MAGICAL WORLD OF GIGI — sambungan
- 5.55 SILVER SPOON
- 6.20 APA TU AH (Siri baru)
- 6.28 AZAN MAGHRIB
- 6.34 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.44 APA TU AH — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 SCARECROW AND MRS KING: "J. Edgar's Ghost"
Bekas seorang agen yang sentiasa berdo'a ke atas seorang wanita yang kesunyian untuk mencari jalan masuk untuk mendapatkan pembahagian dokumen kerajaan yang nampaknya secara kebetulan telah terserempak dengan satu fail rahsia yang termasyhur yang dipunyai oleh bekas Pengarah FBI Mendiag J. Edgar Hoover. Lee dan Amanda telah ditugaskan untuk menyiasat kekecehan keselamatan yang mana akan mendatangkan kecelakaan politik.
- 7.41 AZAN ISYAK
- 7.44 SCARECROW AND MRS KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 ADUNIKA
- 10.05 YES PRIME MINISTER: "A Real Partnership"
- 10.30 ROAD TO WEMBLEY
- 10.50 DYNASTY: "The Rescue"
Dengan rasa bersalah dan dengan keadaan takut Alexis telah terlewat apabila mendapati Amanda tidak sedarkan diri; Dominique mencadangkan kepada Garrett; Steven percaya ia akan kehilangan Danny kepada Sammy Jo dan Clay. Sementara Ben membuat rancangan khas untuk Carress dan Alexis.
- 11.40 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI KHAMIS 22 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 THE JETSONS
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 HARAPAN DAN BIMBINGAN
- 6.05 LETS GO MATHS
- 6.15 PINK PANTHER AND SONS
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.45 PINK PANTHER AND SONS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 CRAZY LIKE A FOX: "Hearing Believing"
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.45 CRAZY LIKE A FOX — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 HIDAYAT
- 9.20 DUNIA MINGGU INI
- 9.50 HARDCASTLE AND McCOR-MICK: "Hardcastle For Mayor"

- 10.40 CHECK IT OUT: "Otherwise Engaged"
- 11.05 TAYANGAN GAMBAR: "Green Slime"
Kehidupan suatu tumbuhan hijau yang berlumpur dari bintang telah membesar seperti raksasa yang menakutkan, membiak dan menyerang orang-orang yang berada di stesen angkasa lepas Amerika Syarikat.
- 12.35 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI JUMAAT 23 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 CERAMAH UGAMA
- 12.25 HIDAYAT (ulangan)
- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.48 HIDAYAT — sambungan
- 12.55 MUTIARA/NADASARI
- 1.25 THE 13 GHOSTS OF SGOOBY DOO: "A Spooky Little Ghoul Like You"
- 1.50 ITALIAN FOOTBALL
- 2.40 HE-MAN AND THE MASTERS OF THE UNIVERSE
- 3.05 ANDY ROBSON
- 3.30 AL-KISAH: "Gajah Dengan Ayam"
- 3.45 BENSON: "And The Winner Is" (Episod terakhir)
- 3.55 AZAN ASAR
- 3.58 BENSON — sambungan
- 4.15 SUPER SPACE THEATRE: "Alien Attack" Bgh II
- 5.05 TRADITIONAL MEDICINE IN AFRICA: "Traditional Healers And Modern Physicians"
- 5.35 CHOCKY'S CHALLENGE
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 CHOCKY'S CHALLENGE — sambungan
- 6.00 PAW PAWS (Siri baru)
- 6.20 MARI BERSAMAKU (Episod terakhir)
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.45 MARI BERSAMAKU — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 DRAMA TEMPATAN: "Salah Sangka"
Ramli, Sudin dan Jamal belajar berdikari di kampung mereka. Ramli sering saja keluar rumah atas urusan belajar dikir bersama kawan-kawannya di kampung. Dari ketiadaannya inilah Mayang isterinya selalu marah pada Ramli. Melihat keadaan Ramli begitu, Mayang bercadang hendak balik ke rumah bapanya kerana menyangka Ramli suaminya cuba berbuat curang terhadapnya. Apakah kisah selanjutnya
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.45 DRAMA TEMPATAN — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 DOCUMENTARY: "Out Of Sight, Out Of Mind"
- 10.10 HOLLYWOOD BEATS: "Connections"
- 10.55 KNOTS LANDING: "Here In My Arms"
- 11.50 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SABTU 24 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 THE LAST FRONTIER: "Man Eater"

- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE LAST FRONTIER — sambungan
- 6.00 VALERIE: "The Big Fix Up"
- 6.20 THUNDERCATS
- 6.29 AZAN MAGHRIB
- 6.35 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.45 THUNDERCATS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE EQUALIZER: "Reign Of Terror"
McCall menghadapi cabaran mati dan berat apabila seorang Doktor muda menemuinya untuk mendapatkan pertolongan demi pengorbanannya untuk seluruh penduduk bandaraya.
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.45 THE EQUALIZER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 TALENTIME — PERINGKAT AKHIR (ulangan)
- 10.05 TAYANGAN GAMBAR MELAYU: "Jiwa Remaja"
- 11.40 FALCON CREST: "Captive Hearts"
- 12.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI AHAD 25 JANUARI

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.18 THIS WEEK'S MUSIC
- 12.35 AZAN ZUHUR
- 12.38 THIS WEEKS MUSIC — sambungan

PETANG

- 1.05 THE FALL GUY: "Escape Claus"
Colt telah dihubungi oleh Edmund Trench untuk mengesan Kris, yang juga dikehendaki oleh Martin dan Kane untuk mendapatkan kunci yang diserahkan oleh Mickey kepadanya sebelum Mickey ditembak dan mati. Colt telah menemui Kris di sebuah gedong di mana Kris menjadi Santa Claus. Apabila Colt dan Kris meninggalkan tempat itu, Martin dan Kane mengejar mereka tetapi telah dihalang oleh Colt.
- 1.55 TAYANGAN GAMBAR: "Villa Rides"
Cerita yang mengisahkan tentang seorang penyeludup senjata api berbangsa Amerika dengan menggunakan kapal terbangnya, Villa pertarungannya menentang tentera-tentera peperangan Mexico dalam tahun 1912. Dibintangi oleh Yul Brynner, Robert Mitchum dan lain-lain.
- 3.30 CHALLENGE OF THE GOBOTS: "Guardian Academy"
- 3.56 AZAN ASAR
- 3.59 SHE-RA PRINCESS OF POWER
- 4.30 DRAMA TEMPATAN: "Salah Sangka"
- 5.10 SPORTS: WORLD TENNIS CHAMPIONSHIP — MEN'S DOUBLE
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 6.05 THE WIND IN THEIR HANDS
- 6.20 WHO'S THE BOSS: "The Graduate"
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 WHO'S THE BOSS — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 OUR HOUSE: "Families And Friends"
- 7.42 AZAN ISYAK
- 7.45 OUR HOUSE — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 SUDUT ASIA
- 9.20 MARI MEMASAK: "Kek Alunan Senja"
(Resepi masakan ini ada dimuatkan

- di muka lain akhbar ini)
- 9.45 HIBURAN TEMPATAN: Dendang Juara
- 10.30 THREE'S COMPANY: "Going To Pot"
- 11.00 THE CHALLENGE (Episod akhir)
- 11.50 ALFRED HITCHCOCK: "A Very Happy Ending"
- 12.25 DOA PENUTUP SIARAN LAGU KEBANGSAAN.

HARI ISNIN 26 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 YOGI'S TREASURE HUNT
- 4.55 FRAGGLE ROCK
- 5.20 NATIONAL GEOGRAPHIC EXPLORER
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW: "Theo's Flight"
- 6.15 KUIZ RIA
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 KUIZ RIA — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 THE A TEAM: "Members Only"
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.46 THE A TEAM — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 BELIA
- 9.50 GIVE US A CLUE
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR: "The Scorpio Letters"
Dua agen Kerajaan British bertanding untuk membasmi kegiatan memeras yang diketuai oleh seorang lelaki yang hanya dikenali dengan nama Scorpio. Mereka yang ditugaskan ialah seorang berbangsa Amerika, yang diupah oleh Perkhidmatan Awam British, dan saingannya, seorang agen tentera.
- 11.20 MUSICAL SPECIAL: "Paul Young — Live"
- 11.55 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.

HARI SELASA 27 JANUARI

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 THE KIDS FROM 47A: "Good Work"
- 4.55 NATURE WATCH
- 5.20 MICKEY AND DONALD
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 MARI MEMASAK: "Kek Alunan Senja" (ulangan)
- 6.15 CHARLES IN CHARGE: "Buddy Comes To Dinner"
- 6.30 AZAN MAGHRIB
- 6.36 AL-QURAN DAN TERJEMAHAN-NYA
- 6.46 CHARLES IN CHARGES — sambungan

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 AIRWOLF: "Fortune Teller"
- 7.43 AZAN ISYAK
- 7.46 AIRWOLF — sambungan
- 8.40 BIMBINGAN ISLAM
- 8.50 REKASENI
- 8.15 WARTA BERITA
- 9.20 ARENA SUKAN
- 10.20 FULL HOUSE: "May The Best Man Win" (Episod terakhir)
- 10.50 THE COLBYS: "Checkmate" (Episod terakhir)
- 11.30 DOA PENUTUP SIARAN/LAGU KEBANGSAAN.



**KERJAYA TENTERA BUKAN
SAJA SALAH SATU
BIDANG KERJAYA YANG
MENJAMIN BAHKAN
MEMBERI SANJUNGAN
TERHADAP PERLINDUNGAN
DAN
KEDAULATAN NEGARA**



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**MASUKILAH
KERJAYA
TENTERA**

**PERTIWI GAGAH
HARAPAN
NEGARA**

Mendaftariah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Bolkiah Garison
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah/Penjaga :

No. Kad Pengenalan Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

PENGAMBILAN YANG KE-12 SEDANG DIJALANKAN MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI

SYARAT-SYARAT

- Dayang-Dayang mestilah rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Dayang-Dayang mestilah lulus Tingkatan 3 Melayu atau yang sebanding dengannya.
- Dayang-Dayang mestilah berumur $17\frac{1}{2}$ tahun hingga 25 tahun.
- Tinggi sekurang-kurangnya 4 kaki 10 inci berat badan tidak kurang 98 paun dan berbadan sihat.
- Lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.
- Dayang-Dayang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti berikut: Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.



JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dinelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. TRADESMAN TINGKAT I

(Bilangan Kod: 025 03-995)

(Di Pejabat Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Sijil City and Guilds in Basic Engineering atau sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Berpengalaman bekerja dalam Perkhidmatan Kerajaan atau swasta sebagai Mekanik atau Tradesman tidak kurang dari 3 tahun.

- b) Pengalaman praktikal membaiki kenderaan seperti Wheel Loader, Truck dan lain-lain lagi, termasuk mesin-mesin rumput dan motor sangkut merupakan satu kelebihan.

2. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III

(Bilangan Kod: 022 39-143)

(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun

- b) i) Lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.

ATAU

- ii) Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama 5 tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan boleh juga dipertimbangkan.

- c) Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab akan diberi ketutamaan.

- d) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan

mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 166/1986

(E/179/75)

Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dinelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMANDU OUTBOARD TINGKAT II

(Bilangan Kod: 094 98-164)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: F. 2-3-4 EB. 5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur di antara 20 hingga 45 tahun dan hendaklah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

- b) Mempunyai tubuh badan yang sihat, mempunyai penglihatan yang baik dan lulus peperiksaan mata. Mestilah pandai berenang.

- c) Berpengalaman sebagai Pemandu Motor Sangkut sekurang-kurangnya 2 tahun dan boleh membaiki kerosakan-kerosakan kecil.

- d) Mengetahui selok-belok sungai-sungai di negara ini adalah merupakan satu kelebihan serta berpengalaman dalam memberikan

bantuan kecemasan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Bertanggungjawab dalam menjaga kebersihan, keselamatan dan pemeliharaan harian ke atas motor sangkut dan perahu.

2. BURUH

(Bilangan Kod: 062 99-910)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: F. 1-2 EB. 3 — \$445-\$590 sebulan.

Kelayakan:

- a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun.

- b) Tahu membaca dan menulis.

- c) Berpengalaman dalam kerja-kerja hutan adalah satu kelebihan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa Catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 12 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran: 165/1986.

(E/638/63)

Juruteknik Kapal Tingkat I

PERMOHONAN adalah dinelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai JURUTEKNIK KAPAL TINGKAT I di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 036 03 — 595

Tanggagaji: D. 2 EB. 3 — \$650-\$1125 sebulan.

Kelayakan:

- a) Sijil kecakapan sebagai Pemandu Enjin Motor Kelas 2.

- b) Berpengalaman sebagai Juruteknik Tingkat II sekurang-kurangnya 2 tahun.

- c) Boleh mengawasi dan menjalankan pemeliharaan serta pembaikan ke atas enjin-enjin disel (marine) yang bertenaga hingga 500 kuasa kuda (bHp).

- d) Berkebolehan untuk menulis laporan-laporan, menyedikan senarai-senarai kerosakan di bilik enjin dan sebagainya.

- e) Kebolehan untuk bekerja sebagai seorang ahli dalam satu pasukan adalah sangat mustahak.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu Juruteknik Kapal Tingkat Khas ke atas pemeliharaan dan perjalan serta pembaikan jentera dan alat-alat yang lain di Bahagian Perikanan Laut, Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

- b) Menjalankan tugas-tugas lain yang bersangkutan dengan kegiatan-kegiatan Bahagian Perikanan Laut,

Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 18 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 167/1986).

(E/2179/85)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari hari Isnin 26 Januari, 1987 jam 12.00 tengah hari bagi perkara berikut:—

Bil. Tawaran	Keterangan	Wang Cagaran
DMS/1/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Ophthalmological Equipments	\$200.00
DMS/2/1987	To Supply and Deliver Bleep (Pager) System	\$200.00
DMS/3/1987	To Supply, Deliver and Commission Dispensing Machines	\$200.00
DMS/4/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Mobile Electric Powered Elevating Work Platform	\$100.00
DMS/5/1987	To Supply, Deliver, Install and Commission Micro-Computer C/W Hard and Floppy Disc Drivers	\$100.00
DMS/6/1987	To Supply, Deliver and Commission Patient Weighing Scales	\$100.00

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi daripada Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

4. Semua tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dan ditulis dengan bilangan dan nama tawaran tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada:

Pengerusi
Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Tingkat 4,
Jalan James Pearce
Bandar Seri Begawan

5. Cagaran bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan wang tunai sahaja.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Februari, 1987 untuk:—

tarikh tutup tawaran, dan ditunjukkan kepada:

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN BOMBA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

1. TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin seperti tarikh yang telah ditetapkan di bawah bagi membekalkan perkara-perkara untuk Jabatan Pasukan Bomba Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN BIL. 1/1987

Tajuk: "MEMBEKAL PERAHU BOMBA BAGI MELAWAN KEBAKARAN"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$500.00 (lima ratus ringgit)

TAWARAN BIL. 2/1987

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS BOMBA"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$200.00 (dua ratus ringgit)

TAWARAN BIL. 3/1987

Tajuk: "MEMBEKAL LIGHT WATER 3 M BRAND DAN HIGH EXPANSION FORM"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

Cagaran: \$300.00 (tiga ratus ringgit).

TAWARAN BIL. 4/1987

Tajuk: "MEMBEKAL ALAT-ALAT PERKAKAS PENYELAMAT"

Tarikh tutup: 16 Februari, 1987.

TWO YEARS PLUMBING MAINTENANCE AND REPAIR SERVICE, MEDICAL AND HEALTH DEPARTMENT, MINISTERS OF HEALTH.

2. Cagaran tawaran: \$200.00.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Akaun, Ibu Pejabat Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu pejabat.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bonafide tender).

5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pemborong, ditulis pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat tersebut dengan perkara tawaran yang berkenaan dan

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pengurus Teknik Studio

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENGURUS TEKNIK STUDIO di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

(Bilangan Kod : 009 21 — 974).

Tanggagaji : B. 2 — \$2270. \$3760 sebulan.

Kelayakan :

- i) Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektrik atau Elektronik atau kelulusan dan bidang yang bersesuaian sebanding dengannya.
- ii) Mempunyai pengalaman sebagai Pengurus Teknik Studio atau yang sebanding dengannya disebabkan perbandingan penyiaran Televisyen berwarna tidak kurang dari 3 tahun.
- iii) Pengetahuan yang luas mengenai operasi studio televisyen termasuk rakaman telecine dan pitavideo.
- iv) Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah diperlukan.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Juruteknik Pemeliharaan Kanan tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Penolong Operesen Kanan tidak kurang dari 7 tahun.
- ii) Telah menamatkan satu skim latihan yang termasuk tempoh penempatan yang pada keseluruhannya tidak kurang dari 2 tahun di bahagian-bahagian berikut :—
 - Operasi lampu
 - Operasi kamera
 - Operasi suara studio
 - Pengawasan lampu
 - Rakaman telecine dan pitavideo
 - Bilik pusat peralatan.
- iii) Telah pernah menjalankan tugas-tugas penuh seorang penolong kepada pengurus Teknik Studio bagi tempoh tidak kurang dari 2 tahun dan mampu bekerja secara bersendirian.
- iv) Pengalaman luas tentang tugas-tugas yang berkaitan dalam semua Operasi Studio Televisyen dan Dewan.
- v) Pernah mengikuti kursus lampu yang diiktiraf bagi televisyen berwarna.
- vi) Berkebolehan dayacipta, kemahiran, kepimpinan dan inisiatif yang memuaskan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Perancangan teknikal dan lampu bagi drama yang kompleks serta penerbitan rancangan hiburan ringan, kawalan dan disiplin krew studio serta bertanggungjawab ke atas mutu keseluruhannya audio dan video.
- Syarat-syarat Lantikan :
- Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertaklok kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma,

elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksi pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam. Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Kedua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup : 2 Mac, 1987. (E/942/84)

(Bilangan Pendaftaran : 1/1987).

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BLL : PPL/MTB/9/1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Menanam Kabel yang berdaftar Kelas 'A' dan 'B' sahaja, yang akan diterima oleh Lembaga Tawaran Mini Tender yang beralamat di Bangunan Pejabat Setiausaha Tetap (Teknikal), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Rabu 28 Januari 1987 bagi kerja-kerja berikut :—

IMPROVEMENT OF 11KV OVERHEAD LINES VIA INSTALLATION OF SWITCHING STATION OPPOSITE TO PWD DEPOT, SINARUBAI.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, di Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

Deposit (cengkeram) untuk tawaran tersebut adalah \$100.00.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR 464 TAHUN 1986

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD501/1401

KERJA-KERJA PEMBESARAN KOMPLEKS BAJA PENYUBURAN KAMPONG JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 22 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 26 Januari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 3 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD426/2701

PUSAT PENDIDIKAN BAGI PERKHEMAHAN PENANJONG, PERINGKAT 1—KERJA-KERJA SUBSTRUKTOR—NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$1,000.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 4 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD518/0801

PASAR SUNGAI KEBUN—PERINGKAT II, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 12 Februari, 1987.

Tarikh tutup : 16 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 5 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AB/JUB006

CADANGAN SADAIAH PERAHU DI MAKAM DIRAJA BATU 11, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 4 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 6 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD519/4801

TAMBAHAN KEPADA STESEN BOMBA LAUT DI SUNGAI LAMPAL BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari

Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 7 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AR507/0501

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK PINGGIR JALAN DI JALAN PENGHUBUNG SUBOK-MANGGIS, DAERAH BRUNEI-MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00.

BIL: JKR 8 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AR507/1401

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU PECAH UNTUK CADANGAN JALAN PENGHUBUNG PERINDUSTRIAN, GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00.

BIL: JKR 9 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No. : AD419/3301

PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK MESS PEGAWAI KERAJAAN DI PADANG PERMAINAN GOLF PANTAI MENTIRI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 7 Februari, 1987.

Tarikh tutup : 11 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 10 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 86AD-ABD044

PEMBAIKAN SEMULA 1 BLOK 2 UNIT PERUMAHAN KELAS 'G' KEROSAKAN OLEH KEBAKARAN API DI PERKHEMAHAN ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 31 Januari, 1987.

Tarikh tutup : 4 Februari, 1987.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

PEMBERITAHUAN TAWARAN PEJABAT DAERAH TEMBURONG

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Selasa 3 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara-perkara yang dinyatakan di bawah ini untuk Pejabat Daerah Temburong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

TAWARAN BIL. : 1/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT MOTOR GRADER.

TAWARAN BIL. : 2/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT TRACTOR COMPLETE WITH TRAILER.

TAWARAN BIL. : 3/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT ROLLER.

TAWARAN BIL. : 4/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT DOZER.

TAWARAN BIL. : 5/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT WHEEL LOADER 950.

TAWARAN BIL. : 6/1987

SUPPLY AND DELIVERED AT DISTRICT OFFICE WORKSHOP BANGAR, TEMBURONG ONE (1) UNIT MINI EXCAVATOR.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEMBANTU PENYELIDIK

(Bilangan Kod: 105 19 — 295)

(Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri)

Tanggagaji: D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran.
- Boleh bertutur dan menulis serta mempunyai pengetahuan Bahasa Inggeris dengan baik.
- Mempunyai bakat dan kecenderungan dalam kerja-kerja penyelidikan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab:

Membantu Pegawai Diplomatik dalam menyemak maklumat-maklumat penting dari sumber-sumber pembacaan seperti surat-khabar, majalah-majalah dan lain-lain.

2. PENGAWAS KESELAMATAN

(Bilangan Kod: 062 58 — 962)

(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: D.3-4 EB. 5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja Hal Ehwal Keselamatan tidak kurang dari 3 tahun.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Telah berkhidmat dalam pasukan keselamatan tidak kurang dari 3 tahun.

b) Fasih berbahasa Melayu dan Inggeris.

3. KERANI POS

(Bilangan Kod: 074 39 — 935)

(Di Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan)

Tanggagaji: D. 3 EB.4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ATAU
- 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran

atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Jabatan Kerajaan termasuk Jabatan Perkhidmatan Pos tidak kurang 8 tahun dalam Bahagian IV.

- Pernah mengikuti kursus mengenai perkhidmatan pos di luar negeri.

- Mempunyai perkhidmatan yang memuaskan.

ATAU

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

- Sedang dan telah berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Pos tidak kurang dari 4 tahun.

- Pernah mengikuti kursus mengenai perkhidmatan pos di luar negeri.

- Mempunyai perkhidmatan yang memuaskan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab:

Menjalankan kerja-kerja perkeranian pos di Bahagian-Bahagian Kaunter, Bungkus-an, Mel. Kewangan, Perkhidmatan Khas, Filatelik, Pejabat-Pejabat Pos Cawangan dan lain-lain lagi.

4. PEMBANTU MAKMAL

(Bilangan Kod: 036 05 — 437)

(Di Jabatan Perikanan, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Satu (1) mata pelajaran Sains Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei (termasuk mata pelajaran Sains) atau sebanding dengannya.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja makmal boleh juga dipertimbangkan.
- Umur di antara 18 hingga 25 tahun.

5. PENOLONG PENELITIAN

(Bilangan Kod: 082 39 — 996)

(Di Jabatan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: D. 4 EB. 5-6 — \$1225-\$1785 sebulan.

Kelayakan:

- 2 mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran Peringkat Biasa (termasuk mata pelajaran Matematik) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari 3 tahun.
- ATAU
- Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan

an tidak kurang dari 5 tahun.

- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab:

Bertanggungjawab kepada Penolong Perangkaan bagi mencatat dan menganalisa segala keputusan-keputusan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan juga jawatankuasa Latihan dalam Perkhidmatan untuk menyediakan perangkaan dan kajian.

6. PEMBANTU JURULATIH MUZIK

(Bilangan Kod: 106 17 — 196)

(Di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: D. 3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan:

- Diploma/Certificate dalam bidang muzik.
- ATAU
- Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta berpengalaman luas dalam bermain muzik dalam kumpulan panca-ragam atau yang sebanding dengannya tidak kurang dari 5 tahun.
- Kelulusan iktisas dalam bidang seni muzik akan diberi keutamaan.
- Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.
- Boleh membaca nota muzik, kebolehan menyalin dan menyusun muzik merupakan satu kelebihan.
- Mestilah boleh bermain salah satu alat muzik dalam kategori seperti di bawah:—
 - String (seperti biola)
 - Percussions (seperti drum)
 - Trumpet
 - Piano
 - Guitar
- Calon-calon akan diuji secara teori dan praktikal jika perlu.
- Umur di antara 25 hingga 45 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggung-jawab:

- Membantu Jurulatih Muzik untuk mengelola Unit Muzik.
- Melatih pemuzik-pemuzik serta ahli-ahli Kebudayaan bermain alat-alat muzik dan yang berkaitan dengannya.
- Menyediakan jadual waktu serta keperluan-keperluan latihan.
- Mengawas keselamatan dan kesempurnaan alat-alat serta perkakas muzik.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 14 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran: 158/1986).

(E/1669/84)

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1.0 Nama projek:

BILANGAN TAWARAN: JKP/02/1987
HOUSING PHASE I AT THE BERUANG RESETTLEMENT/HOUSING SCHEME

2.0 Dokumen dan syarat-syarat tawaran boleh dilihat dan didapati dari:

Jabatan Kemajuan Perumahan, Tingkat 3, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Kawasan Lapangan Terbang Lama, Negara Brunei Darussalam
mulai hari Rabu 28 Januari, 1987 hingga hari Selasa 24 Februari, 1987.

3.0 Kelayakan pemborong: Kelas "A" yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam.

4.0 Cagaran tawaran: \$1,000.00 + \$100.00 (dokumen) + \$150.00 (lukisan)

5.0 Tarikh tutup: Hari Rabu 25 Februari, 1987 jam 12.00 tengah hari.

6.0 Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditunjukkan kepada:

Pengerusi, Lembaga Tawaran Kecil, Pejabat Setiausaha Tetap (T), Tingkat 3, Bangunan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

BILANGAN RANCANGAN P 3H0025/85

1. TAWARAN-tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Kelas A atau B yang berdaftar dengan Jabatan Telekom.

2. Tawaran-tawaran ini ialah bagi pemasangan/pembinaan lorong menggali, menanam saluran, menimbuk, menimbus di sepanjang Jalan Kampong Sungai Asam ke jambatan Masjid Baharu Sungai Kebun.

3. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 2 Mac, 1987.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat biasa dan hendaklah bertutup bertanda Membuat Lorong dan kerja awam di sepanjang Jalan Lumapas.

5. Dokumen-dokumen tawaran serta penerangan lanjut boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Telekom, Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran tawaran \$1,000.00 yang akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang tidak berjaya. Cagaran tawaran akan menjadi milik kerajaan bagi pemborong yang gagal menghantar sebarang tawaran.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau sebarang tawaran.

7. Perbincangan bersama dengan wakil Pengarah di tempat pemasangan/pembinaan adalah satu syarat yang diwajibkan bagi tawaran dan bakal pemborong-pemborong pada jam 9.30 pagi hari Khamis 5 Februari, 1987 di Pengkalan Kampong Sungai Kebun (Masjid Baharu) Jalan Lumapas. Tawaran-tawaran tidak akan diterima dari pemborong-pemborong yang tidak hadir bagi perbincangan bersama tempat pemasangan/pembinaan.

PEMBERITAHUAN TAWARAN, JABATAN KERJA RAYA, KUALA BELAIT

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

ATAU

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat Satu, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

BIL: JKR KB 2 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK No.: 86AW/25200
MENUKAR TUTUP MANHOLE YANG BERLIANG UDARA DENGAN JENIS YANG KETAT AIR DI KUALA BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 4 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$200.00 + \$100.00.

BIL: JKR KB 3 TAHUN 1987

TAWARAN-Tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas AX untuk:

PROJEK No.: AR507/2204 & AR507/2210
MENINGGIKAN DAN MERATAKAN JALAN KECIL KURU, MUKIM LIANG DAN JALAN KECIL TUNGULIAN, MUKIM LIANG DAERAH BELAIT.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 Januari, 1987.

Tarikh tutup: 2 Februari, 1987.

Cagaran tawaran: \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam

1) PEMBANTU TEKNIK KANAN:

(Bilangan Kod: 030 03-992)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Certificate (HNC) dalam bidang Jurutera Kuasa Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam pengendalian kerja-kerja di sebuah Stesen Tenaga Elektrik yang dilengkapi dengan beberapa set jentera tidak kurang 3 tahun.

ATAU

- i) Ordinary National Diploma (OND) dalam bidang Jurutera Kuasa Elektrik atau kelulusan dan bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam bidang kerjaya yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Pembantu Teknik atau jawatan yang sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
- ii) Mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.

2) KERANI PERAKAUNAN TINGKAT II:

(Bilangan Kod: 102 33-124)

(Di Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: C. 1-2 EB. 3 — \$1280-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Dua mata pelajaran di Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran di Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman bekerja dalam soal-soal perakaunan tidak kurang 3 tahun.
- iii) Mempunyai kelulusan Peringkat Pertama L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya adalah satu kelebihan.

ATAU

- i) Sedang dan telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Kerani Tingkatan III tidak kurang dari 5 tahun.
- ii) Lulus Peperiksaan Kerani-kerani Rendah.
- iii) Berpengalaman dalam bidang simpan kira dan bank.
- iv) Mempunyai kelulusan dalam Peringkat Pertama Simpan Kira dan Peraturan Pejabat Peringkat Menengah dari peperiksaan L.C.C., R.S.A. atau yang sebanding dengannya serta memiliki sijil mengikuti kursus mengendalikan Word Processor adalah satu kelebihan.

- b) Berpengalaman dalam membuat kerja-kerja yang berkaitan dengan percukaian, stamp-duty dan mengetahui serba sedikit Akta-akta Percukaian Stamp Duty dan Companies (Authorised Auditors) Rules, adalah lebih diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- a) Membantu Pegawai-pegawai atasannya dalam mengendalikan kerja-kerja dan penyediaan kira-kira Lembaga atau perangkaan bank-bank negara ini.
- b) Akan menyediakan kira-kira akhir akaun Lembaga Matawang serta mengendalikan penggunaan Computer, Word Processor dan Telex, adalah salah satu tugas utama mereka.

3) PENGAJAR KANAN: (Bilangan Kod: 098 13-285)

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 3 EB. 4-5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

- i) Diploma/Higher Diploma Education dalam bidang perguruan atau bidang yang berkaitan sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman mengajar orang-orang buta dan cacat.

ATAU

- i) Mempunyai Sijil perguruan atau yang sebanding dengannya.
- ii) Telah dan sedang berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang 10 tahun serta berpengalaman mengajar orang-orang buta.
- b) Mempunyai Diploma Sarjana guru khas mengajar orang-orang buta dan cacat dari Institusi-institusi yang diiktiraf adalah merupakan satu kelebihan.

4) PEMBANTU TEKNIK KANAN:

(Bilangan Kod: 062 03-992)

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Kesihatan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Certificate (HNC) TEC Higher Certificate atau kelulusan teknikal yang diiktiraf sebanding dengannya dalam bidang elektronik-elektikal.
- ii) Berpengalaman dalam bidang pemeliharaan dan pembaikan alat-alat yang berupa elektronik tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- b) Ordinary National Diploma (OND) TEC Diploma atau kelulusan elektronik dalam bidang elektronik-elektikal yang sebanding dengannya serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam bidang kerjaya yang berkaitan.

ATAU

- c) i) Sedang dan telah berkhidmat dalam Bahagian IV dengan Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun.
- ii) Berpengalaman dalam kerjaya Pembantu Teknik atau jawatan-jawatan yang sebanding dengannya dalam pemeliharaan alat-alat elektronik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Memelihara dan membaiki sebahagian daripada alat-alat perubatan yang berupa elektronik dan elektro-medical yang akan ditetapkan oleh jurutera Perubatan Hayat Kanan.

5) PENGARANG: (Bilangan Kod: 056 15-120)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) Diploma dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan sebanding dengan Higher National Certificate (HNC).

ATAU

- i) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman di dalam institusi penerbitan dan penuh giat dalam kerja-kerja yang berkaitan tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- i) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu di Peringkat Lanjutan dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis) Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam penulisan kreatif sastra serta esai sastra dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Dapat membaca dan menulis jawi dengan baik.

6) PEGAWAI PENERBITAN:

(Bilangan Kod: 056 15-961)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: C. 2 EB. 3 — \$1450-\$2270 sebulan.

Kelayakan:

- a) Diploma dalam bidang yang bersesuaian yang diiktiraf oleh Kerajaan sebanding dengan Higher National Certificate (HNC).

ATAU

- i) Satu (1) mata pelajaran Peringkat Lanjutan dan 3 mata pelajaran (termasuk Bahasa Melayu) Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- ii) Berpengalaman dalam mengurus dan menyelenggarakan kerja-kerja penerbitan buku dan majalah tidak kurang dari 5 tahun.

- b) Mempunyai bakat dan kecenderungan yang luas dalam pengelolaan penerbitan buku dan majalah.
- c) Boleh membaca dan menulis jawi dengan baik.

7) PENOLONG PENJADUAL:

(Bilangan Kod: 094 08-321)

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji: C. 1 EB. 2 — \$1280-\$1990 sebulan.

Kelayakan:

- a) i) Ordinary National Diploma (OND) dalam Computer Studies atau kelulusan yang sebanding dalam Penjadualan (Programming) serta mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Penjadual tidak kurang dari (1) satu tahun.

ATAU

- ii) Dua mata pelajaran Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta mempunyai 2 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).

ATAU

- iii) Lulus 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran serta mempunyai 5 tahun pengalaman dalam kerja-kerja penjadualan (programming).
- iv) Sedang berkhidmat sebagai pelatih Penjadual yang telah menamatkan tempoh latihannya.

- b) Semua calon-calon dikehendaki mengambil satu ujian kelayakan dan mereka mestilah lulus ujian ini sebelum dipertimbangkan untuk jawatan berkenaan.

Tugas-tugas:

Untuk membantu penjadual dalam membuat program jadual.

8) PENOLONG JURUTEKNIK PEMELIHARAAN:

(Bilangan Kod: 009 03-494)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji: C. 2-3 EB. 4 — \$1450-\$2620 sebulan.

Kelayakan:

- a) Sijil Tertinggi BTEC dalam bidang elektronik Telekom atau (Sijil Penuh Teknologi) dalam bidang Telekom atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya melalui kursus-kursus elektronik, elektrik atau komunikasi.

ATAU

- b) i) Sedang dan telah berkhidmat sebagai Juruteknik Pemeliharaan Rendah atau jawatan yang sebanding dengannya tidak kurang dari 3 tahun.
- ii) Lulus sekurang-kurangnya tahun ketiga BTEC Elektronik atau City and Guilds 824 Radio TV Electronic Servicing Course bagi tahun kedua boleh juga dipertimbangkan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Penolong Juruteknik Pemeliharaan adalah merupakan sebahagian daripada kumpulan yang secara berkumpulan adalah bertanggungjawab kepada seorang Juruteknik Pemeliharaan Kanan atau Juruteknik Pemeliharaan bagi membantu tugas-tugas membaiki dan merawat kelengkapan di kawasan-kawasan tertentu radio dan televisyen.

Am:

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa kehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan Bilangan Kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 28 Februari, 1987.

(E/937/72)

Bilangan Pendaftaran: 155/1986

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 2 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

TAWARAN BIL. 1/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED

- | | |
|---------------------------|-----------------|
| (a) Size: 1" Diameter | — 2,000 Lengths |
| (b) Size: 1 1/2" Diameter | — 600 " |
| (c) Size: 2" Diameter | — 6,000 " |
| (d) Size: 3" Diameter | — 2,000 " |

TAWARAN BIL. 2/1987

- | | |
|--|------------|
| (a) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y98 Yokohama or Equivalent | — 250 Nos. |
| (b) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y20 Yokohama or Equivalent | — 300 " |

TAWARAN BIL. 3/1987

- | | |
|--------------------------|---------------|
| MELAMINE WARE | |
| 1. Cup, Capacity: 8 ozs. | |
| Colour: 1704/White | — 25,000 Nos. |
| 2. Saucer 6" | |
| Colour: 1106A/White | — 25,000 Nos. |

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3 1/2, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sebagai Pegawai Perhutanan

PERMOHONAN adalah di-
pelawa daripada pemohon-
pemohon yang berkecayaan
untuk dilantik sebagai PE-
GAWAI PERHUTANAN di
Jabatan Perhutanan, Kement-
erian Pembangunan, Negara
Brunei Darussalam.

Bilangan Kod: 055 05 —
374

Tanggagaji :

B2 — \$2270-\$3760 sebulan
atau

B2 E3 — \$2270-\$4240 se-
bulan.

Kelayakan :

a) i) Ijazah dalam bidang
Perhutanan atau yang
berkaitan dengan seban-
ding dengannya.

ii) Pengalaman dalam 'Sil-
viculture' penyelidikan,
perindustrian hutan atau
apa juga yang berkaitan
dengan perhutanan.

ATAU

b) i) Higher National Diplo-
ma (HND) dalam bidang
perhutanan atau yang
berkaitan sebanding de-
ngannya.

ii) Sedang dan telah berkhid-
mat dengan Kerajaan
tidak kurang dari 5
tahun sebagai Penolong
Perhutanan.

ATAU

c) Sedang dan telah berkhid-
mat dengan Kerajaan di
Jabatan Perhutanan tidak
kurang dari 20 tahun ter-
masuk 5 tahun sebagai
Penolong Perhutanan.

Syarat-syarat Lantikan :

Pemohon-pemohon yang
berjaya akan dilantik secara
berkontrak selama 3 tahun.
Pembaharuan kontrak adalah
atas persetujuan bersama. Se-
lain daripada gaji, bonus juga
dibayar (tertakluk kepada
prestasi kerja-kerja yang me-
muaskan). Faedah-faedah ter-
masuklah tambang percuma,
elaun pelajaran untuk anak-
anak, cuti bergaji, bantuan
perumahan, pinjaman wang
(tidak berfaedah) untuk mem-
beli kereta dan baksis pada
kadar 25% daripada gaji se-

telah genap menamatkan
kontrak.

Pada masa ini tidak ada
cukai pendapatan dikenakan
di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang
terdiri dari rakyat Negara
Brunei Darussalam akan di-
lantik ke jawatan tetap sete-
lah genap menamatkan tem-
poh percubaan.

Am :

Pemohon-pemohon yang
berjaya bagi jawatan yang di-
pohonkan mestilah bersedia
untuk bertugas bila-bila masa
dikehendaki di luar masa pe-
kerjaan biasa atau bekerja
secara bergilir-gilir (shift)
atau semasa cuti awam dan
juga hendaklah bersedia un-
tuk bertugas di mana-mana
sahaja di Negara Brunei
Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah
diingatkan supaya mencatat-
kan nama jawatan serta
bilangan kod di dalam bo-
rang permohonan mereka.
Borang permohonan tanpa
catatan bilangan kod yang
berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang
sedang berkhidmat dengan
Kerajaan hendaklah meng-
hantar permohonannya mela-
lui Ketua Jabatannya, dan
Ketua Jabatan itu hendaklah
menyertakan bersama-sama
dengan permohonan ini satu
Laporan Sulit dan satu salin-
an Rekod Perkhidmatan yang
lengkap.

Pemohonan mestilah dipe-
nuhi dalam dua salinan bo-
rang yang boleh didapati da-
ri Pejabat Suruhanjaya
Perkhidmatan Awam, Negara
Brunei Darussalam dan bo-
rang tersebut hendaklah di-
kembalikan bersama-sama de-
ngan salinan surat-surat aku-
an dan sijil-sijil kepada
Setiausaha, Suruhanjaya Per-
khidmatan Awam, Tingkat 5,
Bangunan SPA, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.

Tarikh tutup: 22 Februari,
1987.

(Bilangan Pendaftaran: 159/
1986).

(E/761/85)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN BOMBA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN adalah bagi RA-
DIO COMMUNICATIONS
AND INSTALLATIONS.

2. Tawaran-tawaran akan
diterima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Negara Brunei
Darussalam di Kementerian
Kewangan, Tingkat 4, Jalan
James Pearce, Bandar Seri
Begawan sehingga jam 12.00
tengah hari, hari Isnin 16
Februari, 1987.

3. Tawaran-tawaran hendak-
lah dihantar di dalam sampul
surat biasa dan hendaklah
bertutup bertanda "TENDER
FOR RADIO COMMUNI-
CATIONS AND INSTALLA-
TIONS, JABATAN BOM-
BA."

4. Dokumen-dokumen tawa-
ran serta penerangan lanjut
boleh diperolehi dari Pejabat
Pegawai Perhubungan & Ke-
rahan, Ibu Pejabat Pasukan
Bomba, Lapangan Terbang
Lama, Berakas, Negara
Brunei Darussalam dengan
cagaran sebanyak \$500.00
yang akan dikembalikan ke-
pada setiap tawaran yang ti-

dak berjaya nanti. Cagaran
tawaran akan menjadi hak
milik Kerajaan bagi pembo-
rong yang gagal menghantar
sebarang tawaran.

5. Kerajaan Kebawah Duli
Yang Maha Mulia Paduka
Seri Baginda Sultan dan
Yang Di Pertuan Negara
Brunei Darussalam tidak ter-
ikat untuk menerima tawaran
yang termurah atau sebarang
tawaran.

KENYATAAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga
Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4,
Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00
tengah hari, hari Isnin 16 Februari 1987 bagi membekalkan
perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

TAWARAN BIL. 4/1987

MANHOLE FRAME AND COVERS TO BS. 497

(a) Grade 'B' (Medium Duty) Rectangular
Cover and Frame B5-24/18 Solid Top — 50 Nos.

(b) Grade 'B' (Medium Duty) Rectangular
Cover and Frame B5-24/18R Recessed
Top — 50 "

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bo-
leh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½,
Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI PENGUSA WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN

SURAT KUASA PESAKA

No. 250/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Pg. Haji Chu-
chu bin Pg. Hj. Abu Bakar,
Simpang 735 No. 735, Kg.
Bunot kerana minta Surat
Kuasa kepada harta pesaka
yang dipunyai oleh Pg. Haji
Abu Bakar bin Pg. Mohd.
Salleh yang telah meninggal
dunia di dalam Negara
Brunei Darussalam, dengan
sebab iaitu si pemohon ialah
anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan, pada
10 Februari, 1987 jam 10.30
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si ma-
ti itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar surat
bantahan kepada Mahkamah
Pegawai Pengusaha Waris
Bandar Seri Begawan sebelum
tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 234/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Dayang Hajah
Tungut binti Gumbang, No.
128-B, Kg. Kuala Lurah,
Limau Manis kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh
Hajjah Damit binti Ajak
yang telah meninggal dunia
di dalam Negara Brunei
Darussalam, dengan sebab ia-
itu si pemohon ialah anak
kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 10.15
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si mati
itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan
sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 226/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Haji Tairuddin
bin Dollah @ Haji Tahirudin,
No. 7, Simpang 357, Kg. Be-
lakang Subok, Negara Brunei
Darussalam, kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh
Salleh bin Dullah yang telah
meninggal dunia di dalam
Negara Brunei Darussalam
dengan sebab iaitu si pemo-
hon ialah adik-beradik ke-
pada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 9.45
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si mati
itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan
sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 240/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Pg. Hj. Tajud-
din bin Pg. Hashim, LB. 640,
Jalan Kumbang Pasang kera-
na minta Surat Kuasa kepa-
da harta pesaka yang di-
punyai oleh Pg. Hajjah Da-
mit binti Pg. Metussin yang
telah meninggal dunia di da-
lam Negara Brunei Darus-
salam dengan sebab iaitu si
pemohon ialah anak kepada
si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 10.45
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si
mati itu dikehendaki hadir
dan menyaksikan perbicaraan
itu pada waktu dan tempat
yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan se-
belum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 249/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Hj. Nikman bin
Yahya No. 90, Kg. Burong
Pingai Ayer, Negara Brunei
Darussalam, kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh

Yahya bin Gapor yang telah
meninggal dunia di dalam
Negara Brunei Darussalam
dengan sebab iaitu si pemo-
hon ialah anak kepada si
mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 9.30
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si mati
itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan
sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 245/1986

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Awang Haji
Ahmad Almakki bin OKMD.
Hj. Saman kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh
Haji Saman bin Haji Tamit
@ Orang Kaya Maharaja
Dinda Hj. Saman yang telah
meninggal dunia di dalam
Negara Brunei Darussalam,
dengan sebab iaitu si pemo-
hon ialah anak kepada si mati,
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 9.00
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si mati
itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan
sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 55/1983

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Awang Amit
bin Haji Bungsu, No. 31, Kg.
Rimba, Gadong kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh
oleh Timah binte Bongsu
yang telah meninggal dunia
di dalam Negara Brunei
Darussalam, dengan sebab
iaitu si pemohon ialah abang
kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan pada
10 Februari, 1987, jam 10.00
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si mati
itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar su-
rat bantahan kepada Mahka-
mah Pegawai Pengusaha Waris,
Bandar Seri Begawan
sebelum tarikh yang tersebut
di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

No. 261/1985

BAHAWA permohonan ke-
pada Mahkamah ini telah di-
perbuat oleh Awang Asan
bin Haji Naim kerana minta
Surat Kuasa kepada harta
pesaka yang dipunyai oleh
Awang Haji Naim bin Apang
yang telah meninggal dunia
di Mina dengan sebab iaitu
si pemohon ialah anak kepa-
da si mati.

Oleh itu kenyataan diberi
bahawa permohonan ini akan
didengar di dalam Mahkamah
Bandar Seri Begawan, pada
10 Februari, 1987, jam 9.15
pagi.

Orang-orang yang berhak
di dalam harta pesaka si ma-
ti itu dikehendaki hadir dan
menyaksikan perbicaraan itu
pada waktu dan tempat yang
tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hen-
dak membantah permohonan
itu bolehlah menghantar surat
bantahan kepada Mahkamah
Pegawai Pengusaha Waris
Bandar Seri Begawan sebelum
tarikh yang tersebut di atas.

Bertarikh 7 Januari, 1987.

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. : PPL/MTB/1/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Kecil, yang
beralamat Kementerian Pem-
angunan, Tingkat Tiga,
Bangunan Kementerian Pem-
angunan, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Ban-
dar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam

Tajuk: SUPPLY OF 4
RING ELECTRIC
COOKER AND
SPARES

Tarikh tutup: 4 Februari,
1987.

Cengkeram: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan pe-
nerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi dari
Jabatan Perkhidmatan-Per-
khidmatan Elektrik, Lapangan
Terbang Lama, Jalan Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

BIL. : PPL/MTB/2/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran Kecil, yang
beralamat Kementerian Pem-
angunan, Tingkat Tiga,
Bangunan Kementerian Pem-
angunan, Jalan Lapangan
Terbang Lama, Berakas, Ban-
dar Seri Begawan, Negara
Brunei Darussalam.

Tajuk: SUPPLY OF LINE
TAPS AND CONNECT.

ORS.

Tarikh tutup: 4 Februari,
1987.

Cagaran: \$200.00.

Dokumen-dokumen dan pe-
nerangan-penerangan yang
lanjut bolehlah diperolehi
dari Jabatan Perkhidmatan-
Perkhidmatan Elektrik, La-
pangan Terbang Lama, Jalan
Berakas, Negara Brunei
Darussalam.

BIL. : PPL/3/1987

Tajuk kerja: PEMASANG-
AN ELEKTRIK UN-
TUK BANGUNAN
MAKMAL BAHASA
BAGI INSTITUT PEN-
DIDIKAN DI GADONG,
NEGARA BRUNEI DA-
RUSSALAM.

Tarikh tutup: 9 Februari,
1987 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$300.00.

Kelayakan pemborong: Kel-
as 'A' sahaja (Electrical Wi-
ring).

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan.

BIL. : PPL/MTB/7/1987

Tajuk kerja: MENUKAR
MAIN SWITCHBOARD
DARIPADA SATU

PHASE KE TIGA
PHASE DI IBU PEJA-
BAT POLIS GADONG.

Tarikh tutup: 4 Februari,
1987 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan pemborong: Kel-
as "A" atau "B" (Electrical
Wiring).

Cengkeram: \$200.00.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah diper-
olehi dari Perkhidmatan-Per-
khidmatan Bangunan.

BIL. : PPL/2/1987

TAWARAN-tawaran akan di-
terima oleh Pengerusi Lem-
baga Tawaran, Tingkat Em-
pat, Bangunan Kementerian
Kewangan, Jalan James
Pearce, Bandar Seri Beg-
awan, Negara Brunei Darus-
salam.

Tajuk: SUPPLY OF DE-
LIVERY OF HPS
LUMINARIES AND
ACCESSORIES.

Tarikh tutup: 2 Mac,
1987.

Cengkeram: \$200.00.

Dokumen-dokumen tawaran
dan penerangan-penerangan
yang lanjut bolehlah dilihat
dan diperolehi dari Jabatan
Perkhidmatan - Perkhidmatan
Elektrik, di Lapangan Ter-
bang Lama, Jalan Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PENYUNTUNG :

(Bilangan Kod : 009 15 — 924)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri).

Tanggagaji : D.3 EB. 4-5 — \$900-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- 4 mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja yang berkaitan.
- Dapat menguasai Bahasa Melayu dan Inggeris dan berkebolehan membaca dan menulis jawi dengan baik akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Bertugas dalam semua kerja-kerja yang melibatkan penyediaan, penerbitan dan penyampaian berita. Adakalanya dikehendaki untuk menjalankan tugas-tugas Penyunting dalam tanggungjawab-tanggungjawab di Studio dan dalam membuat penyediaan dan membuat skrip untuk

rancangan-rancangan Hajj, wal Semasa. Juga dikehendaki untuk menolong membuat laporan berita dan menyunting laporan berita.

2. KERANI

PERANGKAAAN :

(Bilangan Kod : 013 39 — 920)

(Di Jabatan Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan).

Tanggagaji : D.1-2-3 EB.4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu (1) mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran (lulus dalam mata pelajaran Matematika) atau yang sebanding dengannya.
- 3 tahun pengalaman dalam kerja-kerja perangkaan.
- Boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan fasih.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja perangkaan seperti yang berkaitan dengan Custom Declaration Form dan/atau pernah mengambil bahagian dalam projek-projek perangkaan seperti banci penduduk dan perumahan ataupun lain-lain pengajian akan diberi keutamaan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Memungut dan mengumpul perangkaan-perangkaan sama ada dari rekod-rekod pentadbiran dan temu duga, temuduga, Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 28 Februari, 1987.

(Bilangan Pendaftaran : 4/1987).

(E/941/74).

SEBAGAI PENYELANGGARA STOR TINGKAT II

PERMOHONAN adalah di-pelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELANGGARA STOR TINGKAT II di Jabatan Jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam yang berikut :

A. DI JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN (Bilangan Kod : 098 39-142)

B. DI JABATAN UKUR, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN (Bilangan Kod : 094 39-142)

Tanggagaji : D.2 EB. 3-4 — \$650-\$1465 sebulan.

Kelayakan :

- Lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau kelulusan-kelulusan yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Penyelenggara Stor Tingkat III yang telah ditetapkan dalam jawatan dan telah berkhidmat dalam jawatan ini sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- Berpengalaman dan berpengalaman dalam bidang Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab dan dalam Penyelenggaraan Stor dan Pembelian alat-alat akan diberi keutamaan.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa

pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah diingatkan supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan mereka melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan

permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 10 Februari, 1987.

Bilangan Pendaftaran : 164/1986.

(E/328/81)

PEMBERITAHUAN TAWARAN

JABATAN STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 2 Februari, 1987 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara :

TAWARAN BIL. 1/1987

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPE TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREW-ED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT, AND PROTECTED AGAINST DAMAGED

- | | |
|----------------------------|-----------------|
| (a) Size : 1" Diameter | — 2,000 Lengths |
| (b) Size : 1 1/2" Diameter | — 600 " |
| (c) Size : 2" Diameter | — 6,000 " |
| (d) Size : 3" Diameter | — 2,000 " |

TAWARAN BIL. 2/1987

- | | |
|--|------------|
| (a) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y98 Yokohama or Equivalent | — 250 Nos. |
| (b) Tyre 9.00 x 20 14 Ply Y20 Yokohama or Equivalent | — 300 " |

TAWARAN BIL. 3/1987

- MELAMINE WARE
- | | |
|---|---------------|
| 1. Cup, Capacity : 8 ozs. Colour : 1704/White | — 25,000 Nos. |
| 2. Saucer 6" Colour : 1106A/White | — 25,000 Nos. |

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 34, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa bagi MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ELECTRICALLY OPERATED GATE BARRIER.

2. Tawaran-tawaran akan diterima oleh :—

Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Perhubungan, Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada hari Rabu 11 Februari, 1987. Tawaran-tawaran yang diterima lewat

dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihidangkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda "TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR ELECTRICALLY OPERATED GATE BARRIER." Tawaran ruj : JTB/MT/001/87, tanpa menyatakan nama penawar.

4. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah didapati daripada Pejabat Pengarah Telekom, di Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, setelah membayar wang cagaran sebanyak \$100.00.

5. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat un-

tuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

JUALAN LELONG

NOTIS pemberitahuan kepada orang ramai bahawa barang-barang seperti berikut akan dijual secara lelong :—

- Satu set Television jenis Sanyo 14 inci Sr. No. 65907281.
- Satu set Video jenis Proscro Sr. No. 50506575.
- Seutas rantai emas berukuran 15 inci.

Barang-barang tersebut di atas akan dilelong pada 26 Januari 1987 di Balai Polis Kuala Belait.

Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	21.1.1987	Rabu	10.00-10.30 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	21.1.1987	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sungai Besar	21.1.1987	Rabu	11.30-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Batu Marang	21.1.1987	Rabu	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	22.1.1987	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanah Bolikiah	22.1.1987	Khamis	2.30- 3.30 petang
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar Penjara Jerudong	24.1.1987	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Rendah Maulat	24.1.1987	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Birau	24.1.1987	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Kiudang	24.1.1987	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Lamunin	24.1.1987	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	24.1.1987	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Kiarong	26.1.1987	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan	26.1.1987	Isnin	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	26.1.1987	Isnin	1.45- 2.45 petang
Sekolah Rendah Anggerak Desa Berakas	27.1.1987	Selasa	9.15-10.15 pagi
Sekolah Agama Haji Md Jaafar Kampong Kiulap	27.1.1987	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Agama Kampong Mata-Mata Gadong	27.1.1987	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong	27.1.1987	Selasa	3.30- 4.30 "
	27.1.1987	Selasa	4.30- 5.00 "

Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang lebih rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang-barang yang berikut di bawah ini bermula pada 14 Januari, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN	(3) KACANG MERAH sekati \$1.20.
(1) BERAS WANGI 5A seguni \$9.50.	a) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.
a) Kedai Taste Top Trading Co. No. 144, Jalan Pemancha.	(4) UDANG KERING sekati \$10.00.
b) Kedai Chop Kian Lee, A4, Jalan Robert.	a) Kedai Foo Hap Shing No. 20, Jalan Sultan Omarali.
(2) SAGU HALUS sekati 70 sen.	b) Kedai Chop Siong Yick No. 54, Jalan Bunga Kuning.
a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.	KUALA BELAIT
(3) KACANG MERAH sekati \$1.00.	(1) BERAS WANGI 5A seguni \$9.50.
a) Kedai Leong Soon Huat No. 1, Jalan McArthur.	a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
(4) UDANG KERING sekati \$10.00.	(2) SAGU HALUS sekati 90 sen.
a) Kedai Syarikat Haji Abd Rahman No. 94, Jalan Pemancha.	a) Syarikat M. Haji Chinese Chamber of Commerce.
b) Kedai Chop Hen Long No. 31, Jalan Sultan.	b) Kedai Chop Yee Seng No. 46 Jalan Pretty.
SERIA	(3) KACANG MERAH sekati \$1.20.
(1) BERAS WANGI 5A seguni \$9.50.	a) Kedai Koh Kit Hin No. 28, Jalan Pretty.
a) Kedai Choo Heng and Company No. 30, Jalan Sultan Omarali.	b) Tan Boon Heng No. 33, Jalan Pretty.
(2) SAGU HALUS sekati 90 sen.	(4) UDANG KERING sekati \$10.00.
a) Kedai Poh Shing No. 6 Jalan Sultan Omarali.	a) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
b) Kedai Sim Fatt Hui No. 74, Jalan Bunga Kenanga.	b) Kedai Guan Heng No. 30, Jalan Sungai.

Utamakan sukan di peringkat belia:



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (MOK).

Persatuan sukan kebangsaan digesa susun rancangan masing-masing

BERAKAS. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Yang Dipertua Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam menggesa persatuan-persatuan sukan kebangsaan menyusun rancangan masing-masing ke arah meningkatkan mutu sukan terutama di peringkat belia.

Dengan mengutamakan rancangan sukan di peringkat belia, tegas Duli Yang Teramat Mulia, setentunya akan menjamin pencapaian mutu sukan ke tahap yang lebih tinggi daripada yang ada sekarang.

Di samping itu, Duli Yang Teramat Mulia juga menyeru pemimpin-pemimpin persatuan sukan supaya mengambil berat mengenai hal-ehwal kebajikan ahli-ahli sukan.

"Asuhan kepada ahli-ahli sukan negara dengan mengambil berat kebajikan mereka secara berterusan, perlu dititikberatkan oleh semua pemimpin-pemimpin persatuan sukan di negara ini," sabda Duli Yang Teramat Mulia.

Bersabda dalam Mesyuarat Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 13 Januari lalu Duli Yang Teramat Mulia menjelaskan, seandainya kepimpinan sesebuah persatuan itu lemah, perjalanan persatuan itu akan turut lemah dan sekaligus akan menjejaskan mutu sukan.

"Jika pimpinan sesebuah persatuan sukan itu lemah, maka pincanglah perjalanan persatuan tersebut dan jika persatuan itu pincang, kegiatan-kegiatan bagi peningkatan mutu sukan adalah sukar untuk dicapai," Sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya menyeru pemimpin-pemimpin persatuan sukan supaya mengubah sikap dan azam ke arah melaksanakan pimpinan yang berkesan, berhasil serta penuh bertanggungjawab.

Menyentuh mengenai permesyuaratan pertama Majlis Olimpik itu, Duli Yang Teramat Mulia bersabda, ianya dihasratkan bagi membantu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk mengembangkan dan memajukan sukan di negara ini.

Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam telah diterima menjadi ahli Majlis Olimpik Antarabangsa atau International Olympic Council pada 5 Disember 1985

sebagai ahli ke-160.

Menurut Duli Yang Teramat Mulia, Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam melibatkan diri dalam semua kegiatan badan-badan sukan serantau dan antarabangsa terutamanya menghantar perwakilan

dalam mesyuarat-mesyuarat yang diadakan dengan dibiayai oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Setakat ini Majlis Olimpik

Kebangsaan Brunei Darussalam telah menjadi ahli kepada International Olympic Council, Commonwealth Games Federation, Islamic Solidarity Sports Federation, Olympic Council of Asia dan Southeast Asian Games Federation.



GAMBAR atas merakamkan suasana Mesyuarat Agung Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (MOK) yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 13 Januari lalu. — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.

Bagi menghadapi Sukan SEA ke-14:

PESTABARU anjur skim latihan sepak takraw

PERSATUAN Sepak Takraw Kebangsaan Brunei (PESTABARU) akan menganjurkan satu skim latihan Sepak Takraw sebagai persiapan bagi menghadapi Kejohanan Sukan Asia Tenggara (SEA GAMES) kali ke-14 di Jakarta.

Setiausaha Kehormat PESTABARU, Pengiran Haji Metusin memberitahu bahawa skim tersebut akan berjalan selama lima kali seminggu iaitu latihan dalam gelanggang diadakan pada hari Isnin, Rabu dan Khamis, manakala latihan angkat berat pada hari Jumaat dan hari Ahad pula latihan renang.

"Untuk skim latihan kebangsaan ini PESTABARU akan mengambil sehingga empat puluh orang pemain. Dari empat puluh pemain ini, dua belas darinya adalah pemain-pemain kebangsaan yang mewakili negara ini di Kejohanan Sukan SEA ke-13 di Bangkok tahun 1985 yang lalu," katanya.

Menurutnya selesai saja kejohanan Sepak Takraw II 1987, skim itu akan mempunyai bilangan pemain yang lengkap seramai empat puluh orang pemain. kemudian setiap dua minggu seramai 10 orang pemain akan digugurkan, dan akan mengekalkan 15 orang pemain.

Seramai 15 orang pemain itu nanti akan terus menjalani latihan hingga menjelang Sukan SEA ke-14 nanti.

"Sebagai 'Warming up tournament', tambahnya, 15 pemain ini akan membarisi Pasukan Kebangsaan dalam kejohanan Sepak Takraw Tiga Wilayah Borneo, 3rd Thai King's Cup di Thailand, dan 4th Asian Sepak Takraw.

"Dengan persiapan ini PESTABARU yakin akan dapat menyediakan satu pasukan yang benar-benar akan memberi tentangan hebat kepada pasukan-pasukan lawan," ujarinya.



Kelolaan Jaafar Haji Ibrahim dan Ahat Ismail

BELIA & SUKAN

Kegiatan sukan di sana sini

Perlawanan polo air kebangsaan anjuran JKBS

JABATAN Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan menganjurkan perlawanan polo air kebangsaan yang dijangka akan bermula pada 1 Februari dan berakhir pada 15 Februari depan.

Perlawanan itu diadakan bagi merebut 'Piala Wijaya' yang disumbangkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abd. Aziz, Menteri Perhubungan.

Adalah difahamkan bahawa sejumlah lima buah pasukan akan menyertai perlawanan itu. Pasukan-pasukan tersebut terdiri dari Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Skim Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan yang masing-masing menurunkan dua buah pasukan dan sebuah pasukan lagi ialah Polis Diraja Brunei.

Rancangan perkembangan gimnastik junior

RANCANGAN perkembangan gimnastik peringkat junior anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah bermula pada 12 Januari lepas.

Menurut jurucakap jabatan tersebut hanya kanak-kanak yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk mengikuti rancangan tersebut.

Jurucakap itu menambah kanak-kanak yang berumur antara enam dan lapan tahun akan dilatih pada tiap-tiap hari Isnin. Mereka yang berumur sembilan hingga 11 tahun dilatih pada tiap-tiap hari Selasa. Sementara kanak-kanak berumur 12 hingga 13 tahun dilatih pada tiap-tiap hari Rabu dan yang lainnya akan dilatih pada hari Khamis.

Kejohanan squash antara k-tangan Jabatan Telekom

KEJOHANAN Squash antara ahli Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Telekom telah bermula pada 9 Januari lalu bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Kejohanan yang diadakan bagi merebut piala Pengarah Telekom itu dirasmikan oleh Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Awang Haji Bakar.

Seramai 40 orang peserta telah mengambil bahagian dalam kejohanan itu dan ianya dibahagikan kepada tiga bahagian.

Kelab Real Pena anjur kejohanan badminton

KELAB Real Pena dari Kampong Penanjong akan menganjurkan kejohanan badminton dan sepak takraw kali ke-5 sempena menyambut hari kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang penyertaan dan keterangan lanjut bagi menyertai kejohanan-kejohanan tersebut boleh didapati daripada Awang Abd. Karim bin Lingah, Awang Sanip Bahar bin Haji Bakir, kedua-duanya di Kampong Penanjong, atau daripada Awang Murni bin Ismail di Sekolah Menengah Sufri Bolkiah. Tarikh tutup penyertaan tidak lewat pada 7 Februari depan.



YANG Berhormat Pehin Jawatan Luar Perkerma Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Hussain, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang menyaksikan pameran Jubli Perak DBP dengan diiringi oleh Pengarah DBP, Awang Haji Ahmad bin Kadi dan Timbalan Pengarah, Dayang Fatimah Haji Mohd. Husain. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

Peranan DBP adakan Projek usahasama libatkan orang ramai

Dari muka 1

Bahasa Melayu serantau, yang mana menunjukkan kesanggupan dan hasrat negara kita dalam sama-sama melibatkan diri pada menyelesaikan masalah dalam bidang kebahasaan.

Menyentuh mengenai tanggungjawab Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu berkata ia tidak saja berperanan mengadakan pameran, kegiatan bermusim atau berkala, bahkan juga

projek usahasama yang melibatkan orang ramai dan menganjurkan peraduan dalam bidang penulisan yang bermatlamat untuk menggalakkan bakat dan minat penulis-penulis tempatan.

Majlis hari itu diidatului dengan ucapan dari Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Ahmad bin Kadi. Turut menyerikan majlis ialah persembahan lagu 'Bahasa Jiwa Bangsa' dari Koir Dewan Bahasa dan Pustaka dan Deklamasi Sajak.

Sempena Jubli Perak jabatan itu, Dewan Bahasa dan Pustaka akan mengadakan pelbagai acara, termasuk forum, syarahan, seminar bahasa, peraduan menulis jawi, senilukis untuk orang dewasa dan bakat kanak-kanak, peraduan balas pantun, malam tradisi budaya dan malam drama, serta peraduan menulis novel sebagai acara kemuncak.

Sementara itu, Pameran Jubli Perak yang diadakan selama seminggu di Balai Pameran, Dewan Bahasa dan Pustaka telah berakhir kelmarin.

kami secara aktif yang mana akan membolehkan kita membebaskan diri dari halangan ini ke arah keamanan, kestabilan dan keadilan," katanya.

Menurutnya hubungan baik yang sedia terjalin dapat diperluaskan melalui peningkatan hubungan di bidang ekonomi dan perdagangan.

Beliau berkata, interaksi antara pihak di sektor swasta di kedua buah negara akan boleh menghasilkan faedah bersama antara kedua-dua buah negara.

Berangkat sama ke majlis malam itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kewangan dan lain-lain Menteri Kabinet serta jemputan-jemputan khas.

Dalam ucapan balas, Menteri Hal Ehwal Luar Thai, Tuan Yang Terutama Ketua Marshall Udara Tuan Siddhi Savetsila melahirkan penghargaan Kerajaan Thai kepada negara ini atas sokongannya bagi usaha-usaha membebaskan Kampuchea dari pendudukan tentera Vietnam dan memberikan rakyat Kampuchea menentukan hak mereka.

"Kami berharap Negara Brunei Darussalam bersama

Kes jenayah 1986 terus meningkat

Oleh: Bolhassan Haji Abu Bakar

BANDAR SERI BEGAWAN.— Kes jenayah di negara kita bertambah kepada bilangan 36 kes tahun lepas, dibandingkan dengan hanya sebanyak 12 kes yang terdapat dalam tahun 1985.

Jumlah kes jenayah dalam tahun 1979 ialah lima kes, dan bilangan tersebut meningkat ke jumlah 23 kes dalam tahun 1984.

Ketua Hakim Negara, Dato Seri Paduka Denys Roberts berkata, kita hanya berharap bilangan itu tidak akan menampakkan keadaan luar biasa dan tidak akan menunjukkan keadaan huru-hara dalam masyarakat yang dulunya bebas dari kes jenayah yang serius.

Berucap ketika merasmikan Tahun Undang-Undang yang berlangsung di Mahkamah Besar di sini pada pagi Isnin lepas, Ketua Hakim Negara itu menambah, bilangan kes sivil, bagaimanapun, menurun kepada 387 tahun lepas dibandingkan sebanyak 496 kes dalam tahun sebelumnya. Dalam tahun 1979, bilangan kes sivil ialah sebanyak 281.

Dato Seri Paduka Denys Roberts berkata, bilangan kes sivil bagi perbicaraan di Mahkamah Tinggi tahun lepas ialah sebanyak 70 kes, dibandingkan dengan 69 kes dalam tahun 1984 serta 78 kes dalam tahun 1982.

Sejurus selepas Ketua Hakim Negara memberikan ucapan, Peguam Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrain bin Pengiran Haji Abbas telah memberikan sabda ucapan.

Terdahulu sebelum itu, Ketua Hakim Negara telah dialu-alukan untuk memeriksa perbarisan yang terdiri daripada pasukan Polis Diraja Brunei.

Hadir di upacara tersebut termasuklah Setiausaha Tetap Kementerian Undang-Undang, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abas bin Haji Serudin serta jemputan-jemputan khas.



KETUA Hakim Negara, Dato Seri Paduka Denys Roberts ketika memeriksa perbarisan yang terdiri daripada Pasukan Polis Diraja Brunei. — Gambar oleh Harun Rashid.

K'jaan Australia sumbangkan 160 buah buku

BANDAR SERI BEGAWAN.— Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerima sumbangan sejumlah 160 buah buku daripada Kerajaan Australia di satu majlis yang telah berlangsung pada hari Sabtu lepas.

Buku-buku terbaik mengenai sejarah, kesusasteraan, rujukan, kebudayaan, alam kehidupan dan alam semula jadi Negara Australia itu telah diserahkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama, Tuan John Macartney Starey kepada Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka Awang Haji Ahmad bin Kadi.

Ini adalah merupakan sumbangan kedua daripada Kerajaan Australia kepada Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka.



PENGARAH DBP, Awang Haji Ahmad bin Kadi menerima sumbangan buku daripada Kerajaan Australia yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tuan John Macartney Starey, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini. — Gambar oleh Haji Sharbini Taha.



KEADAAN Cuaca lembab akan berlaku di samping hujan di sana sini di pedalaman pada awal minggu depan tetapi tidak dijangka berterusan. Ramalan cuaca ini dari 20 hingga 27 Januari 1986.